

## PENDAHULUAN

### a) Latar Belakang Kajian

Kitab suci al-Qur'an diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang mengandung pelbagai khazanah ilmu. Secara umum, isi kandungan al-Qur'an merangkumi 'aqidah, ibadat dan akhlak. Al-Qur'an mengandung banyak rahsia yang sentiasa mengajak manusia agar memerhati, merenung dan membuat kajian di atas setiap kejadian yang Allah SWT ciptakan yang bertujuan bagi menambahkan lagi keimanan dan ketaqwaan dalam setiap diri manusia. Firman Allah SWT :

وَإِنَّهُ لَتَذِكْرٌ لِّلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: Dan sesungguhnya al-Qur'an benar-benar suatu pelajaran bagi orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Haqqah, 69:48)

Tujuan sebenar kehidupan manusia adalah untuk mengagungkan, merendahkan diri dan menyembahNya dengan sebenar-benar pengabdian. Bagi tujuan yang sama, risalah suci dan wahyu Allah SWT yang disampaikan melalui pesuruhNya adalah satu-satunya pedoman bagi manusia yang bukan sahaja merupakan kitab suci terakhir bahkan juga wahyu yang tidak berubah-ubah. Inilah sebabnya semua manusia dipertanggungjawabkan untuk menerima al-Qur'an sebagai pedoman hidup yang sebenar.

Kisah-kisah umat terdahulu yang diceritakan di dalam al-Qur'an memaparkan pelbagai pengajaran tidak lain dan tidak bukan adalah sebagai '*ibrah* kepada orang-orang yang berakal. Berpandukan akal, manusia dapat memikirkan kesan atau balasan

ke atas umat terdahulu yang mendustakan Allah SWT dan RasulNya. Allah SWT tidak memaparkan ini semua dengan sia-sia, akan tetapi untuk dijadikan pengajaran dan panduan hidup agar musibah yang sama tidak akan menimpa umat selepasnya.

Justeru, kajian ini membincangkan tentang konsep *al-Jazā'* terhadap kaum yang yang ingkar menurut surah Ali 'Imrān. *Al-Jazā'* menurut al-Qur'an bermaksud balasan Allah SWT ke atas hamba-hambanya yang ingkar di mana Allah SWT Yang Maha Adil akan membalas setiap perbuatan buruk yang dilakukan oleh hamba-hambanya yang ingkar sama ada di dunia atau di akhirat. Mereka yang ingkar di sini merujuk kepada golongan ahli kitab yang kufur dengan Allah dan sebahagian daripada sahabat Nabi yang ingkar kepada arahan baginda SAW semasa Perang Uhud.

Sikap buruk golongan ini yang suka menimbulkan huru-hara di kalangan umat Islam, membunuh para nabi, mengingkari ayat-ayat Allah serta membuat tuduhan buruk terhadap Allah SWT menyebabkan azab diturunkan ke atas mereka. Setiap amalan kebaikan yang mereka lakukan tidak ada nilainya di sisi Allah SWT. Allah SWT turut menjanjikan siksaan yang pedih ke atas mereka sama ada di dunia atau di akhirat nanti dan azab ke atas mereka sengaja ditangguhkan agar mereka tertipu dengan kehidupan dunia ini.

Manakala golongan kedua, iaitu para sahabat yang ingkar arahan baginda SAW dalam Perang Uhud pula diuji mereka dengan kekalahan dalam perang tersebut agar mereka dapat mengambil pengajaran di atas apa yang telah berlaku. Sunnatullah tidak pernah berubah dan setiap perkara yang telah ditentukan oleh Allah SWT, terselindung hikmah di sebaliknya dan perlu diambil pengajaran agar sentiasa di dalam perlindungan Allah dan dijauhkan dari azabNya.

## b) Pengertian Tajuk

Untuk memahami konsep sebenar tajuk kajian, maksud bagi setiap perkataan dalam tajuk kajian ini perlulah difahami terlebih dahulu. Tajuk kajian ialah **'Konsep *al-Jazā'* Terhadap Kaum Yang Ingkar Dalam Surah Ali 'Imran'**.

Definisi tajuk adalah seperti berikut :

### i) Konsep

Konsep bermaksud pengertian (pendapat yang terbentuk dalam fikiran) tentang sesuatu idea atau gagasan<sup>1</sup>.

### ii) *Al-Jazā'*

*Al-Jazā'* pula bermaksud balasan yang berasal dari perkataan Arab dari kata dasar "*Jazā'*" جزاء جزى يجزى yang memberi pengertian mencukupi, memberi balasan, memenuhi atau menunaikan.<sup>2</sup>

### iii) Kaum Yang Ingkar

Kaum yang ingkar yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada beberapa golongan yang ingkar terhadap Allah SWT dan RasulNya serta melakukan kezaliman sesama manusia. Mereka ialah golongan kafir termasuklah ahli kitab dan pejuang Islam yang ingkar arahan Rasulullah SAW dalam Perang Uhud.

---

<sup>1</sup> Teuku Iskandar (Dr) (1993), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c.1, h.651.

<sup>2</sup> Ibrahim Anis (Dr) (1972), *al-Mu'jam al-Wasit*, Kaherah, c.2, j.1, h.121. lihat juga Uthman bin Khalid (2006), *Kamus Besar Arab Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c.1, h.304.

iv) Surah Ali 'Imran

Surah ini merupakan surah ketiga dalam al-Qur'an yang didahului dengan surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah.

Oleh itu, dapat dirumus bahawa kajian ini menerangkan balasan Allah SWT ke atas kaum-kaum tertentu disebabkan keingkaran mereka terhadap Allah SWT dan juga bertitik tolak daripada penafian ajaran yang dibawa oleh Pesuruh Allah serta perlakuan kezaliman terhadap manusia.

**c) Objektif Kajian**

Secara khususnya, kajian ini mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

- i) Menghuraikan konsep *al-Jazā'* menurut al-Qur'an.
- ii) Menjelaskan ciri-ciri golongan yang ingkar menurut surah Ali 'Imran.
- iii) Menerangkan *al-Jazā'* yang terdapat dalam surah Ali 'Imran.
- iv) Menganalisis perkaitan *al-Jazā'* dengan perilaku kaum yang ingkar berasaskan kepada surah Ali 'Imran.

**d) Pernyataan Masalah**

Pernyataan masalah penting bagi memastikan kajian yang dilakukan terarah dan bermatlamat. Berikut adalah persoalan yang terkandung dalam kajian ini:

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan *al-Jazā'* menurut al-Qur'an?
- ii) Apakah ciri-ciri golongan yang ingkar menurut surah Ali 'Imran?

- iii) Apakah *al-Jaza'* yang terdapat dalam surah Ali 'Imran?
- iv) Apakah perkaitan *al-Jaza'* dengan perilaku kaum yang ingkar berasaskan kepada surah Ali 'Imran?

e) **Skop Kajian**

Penulis akan membahagikan kajian ini kepada beberapa bahagian. Dalam bahagian pertama, penulis akan menggunakan metodologi tafsir *al-Maudu'i* bersesuaian dengan hala tuju kajian ini yang menjurus kepada konsep *al-Jaza'* terhadap kaum yang ingkar.

Penulis telah menemui pelbagai kajian mengenai surah Ali 'Imran yang difokuskan kepada peranan wanita, perang, konsep syuhada', ciri-ciri *Ulu al-Albab* dan sebagainya. Namun, kajian-kajian ini tidak menyentuh mengenai *jaza'* terhadap golongan yang ingkar. Kebanyakan kajian juga banyak menjelaskan mengenai *asbab al-Nuzul*, latar belakang surah, penerangan dari aspek *makkiyyah* dan *madaniyyah* dan sebagainya.

Penulis menghadkan kajian kepada surah Ali 'Imran sahaja di mana penumpuan akan dilakukan terhadap balasan kaum yang ingkar yang terdapat dalam surah ini.

## f) Sorotan Perpustakaan

Penulis telah membahagikan kajian ini kepada beberapa aspek iaitu aspek *al-Jaza'*, kaum yang ingkar merangkumi kaum Yahudi, golongan kafir, dan kaum muslimin yang tidak patuh kepada arahan nabi SAW semasa Perang Uhud, dan juga aspek tumpuan terhadap surah Ali 'Imran.

Berdasarkan pemerhatian penulis setakat ini, terdapat pelbagai kajian yang mengkaji mengenai surah tersebut. Antaranya adalah *Peranan Wanita dalam Dakwah Mengikut Perspektif al-Qur'an: Kajian Surah Ali 'Imran*<sup>3</sup>, *Konsep Al-I'tisam Bi-hablillah: Kajian Khusus Ayat 103 Surah Ali 'Imran*<sup>4</sup>, *Kekuatan Ma'nawi Dalam Perang Badr: Kajian Ayat Dari 121-179 Dalam Surah Ali 'Imran*<sup>5</sup>, *Konsep Shuhada Dalam Perspektif al-Qur'an: Suatu Kajian Surah Ali 'Imran Ayat 169-173*<sup>6</sup>, *Perang Uhud dan Pengajarannya Terhadap Umat Islam: Suatu Kajian Khusus Surah Ali 'Imran Ayat 152-155*<sup>7</sup>, *Ciri-ciri Ulul Albab: Tumpuan Kajian Ayat 190-194 Surah Ali 'Imran*<sup>8</sup>, *Pendekatan Psikologi Dalam Pendidikan Remaja: Satu Kajian Terhadap Ayat 159 Surah Ali 'Imran*<sup>9</sup>, *Konsep Mudawalah Dalam Perjuangan Islam: Satu Kajian*

---

<sup>3</sup> Nor Hanani Mohd Noor (2010), *Peranan Wanita dalam Dakwah Mengikut Perspektif al-Qur'an: Kajian Surah Ali 'Imran*, Disertasi Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>4</sup> Zuraida Ibrahim (2004), *Konsep Al-I'tisam Bi-hablillah: Kajian Khusus Ayat 103 Surah Ali 'Imran*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>5</sup> Firdurs Ahmad (2002), *Kekuatan Ma'nawi Dalam Perang Badr: Kajian Ayat Dari 121-179 Dalam Surah Ali 'Imran*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>6</sup> Che Hadiyalwati Che Awang (2000), *Konsep Shuhada Dalam Perspektif al-Qur'an: Suatu Kajian Surah Ali 'Imran Ayat 169-173*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>7</sup> Asma Kholilah Mohaiyuddin (1998), *Perang Uhud dan Pengajarannya Terhadap Umat Islam: Suatu Kajian Khusus Surah Ali 'Imran Ayat 152-155*. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya.

<sup>8</sup> Norfaizah Md. Yusof (1998), *Ciri-ciri Ulul Albab: Tumpuan Kajian Ayat 190-194 Surah Ali 'Imran*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

<sup>9</sup> Mohd Nizam Sahad (1998), *Pendekatan Psikologi Dalam Pendidikan Remaja: Satu Kajian Terhadap Ayat 159 Surah Ali 'Imran*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

*Terhadap Ayat 140, Surah Ali 'Imrān*<sup>10</sup>, *Konsep Tawakkal Menurut al-Qur'an: Satu Kajian Mengenai Surah Ali 'Imrān: Ayat 159-160*<sup>11</sup>, *Kisah Maryam Menurut al-Qur'an: Suatu Kajian Khusus Dalam Surah Ali 'Imrān Dan Maryam*<sup>12</sup>, *Pertukaran Malam Dan Siang: Pengi'tibaran Kepada Individu Muslim: Tafsiran Surah Ali 'Imrān Ayat 190*<sup>13</sup>, *Penggunaan Ayat Seruan Dalam Surah Ali 'Imrān: Satu Analisis Kepada Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*<sup>14</sup>.

Kebanyakan kajian ini berkisar mengenai topik wanita, kisah Maryam, konsep tawakal dan sebagainya. Namun, tiada satu pun kajian yang menyentuh mengenai balasan terhadap kaum yang ingkar.

Bagi aspek ahli kitab pula, penulis telah menemui beberapa kajian antaranya *Ahli Kitab Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Khusus Di Kalangan Masyarakat Kristian Wilayah Persekutuan*<sup>15</sup>, *Konsep Ahli Kitab: Kajian Perbandingan Di Antara Ibn Hazm Dan al-Shahrastāni*<sup>16</sup>. Kajian ini sedikit sebanyak membantu penulis bagi mendapatkan bahan yang berkisar mengenai ahli kitab.

---

<sup>10</sup> Abu Zaki Haji Ismail(1997), *Konsep Mudawalah Dalam Perjuangan Islam: Satu Kajian Terhadap Ayat 140, Surah Ali 'Imrān*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

<sup>11</sup> Faridah Daud (1995), *Konsep Tawakkal Menurut al-Qur'an: Satu Kajian Mengenai Surah Ali 'Imrān: Ayat 159-160*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

<sup>12</sup> Nor Liza Ahmad (1994) *Kisah Maryam Menurut al-Qur'an: Suatu Kajian Khusus Dalam Surah Ali 'Imrān dan Maryam*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya.

<sup>13</sup> Haris Yunnus (1992), *Pertukaran Malam dan Siang: Pengi'tibaran Kepada Individu Muslim: Tafsiran Surah Ali 'Imrān Ayat 190*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

<sup>14</sup> Noor Azizi Ismail (2006), *Penggunaan Ayat Seruan Dalam Surah Ali 'Imrān: Satu Analisis Kepada Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

<sup>15</sup> Rafeah Buang (1994), *Ahli Kitab Menurut Perspektif Islam: Suatu Kajian Khusus di Kalangan Masyarakat Kristian Wilayah Persekutuan*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya.

<sup>16</sup> Mohd Faizal Abdul Khir Thesis (2011), *Konsep Ahli Kitab: Kajian Perbandingan Di Antara Ibn Hazm Dan Al-Shahrastāni*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kesimpulannya, pelbagai kajian telah dilakukan terhadap surah Ali ‘Imran. Namun begitu, berdasarkan pemerhatian penulis setakat ini, tiada satu kajian pun yang mengkaji mengenai *jaza’* terhadap golongan yang ingkar yang bertumpu terhadap surah Ali ‘Imran. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini bertujuan memperbaiki serta membaik pulih kelompongan yang sedia ada dalam kajian-kajian lepas dengan menerapkan tiga elemen utama yang menjadi garis panduan penulisan kajian ini iaitu elemen tafsir tematik yang menjurus kepada balasan terhadap golongan yang ingkar dalam surah Ali ‘Imran.

#### **g) Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bagi memberi garis panduan serta peringatan kepada umat Islam agar sentiasa berhati-hati dalam kehidupan. Ia bertujuan bagi menyingkap ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur‘an dari aspek *jaza’* Allah SWT ke atas hambaNya yang ingkar. Pemahaman yang mendalam tentang *jaza’* Allah SWT ke atas golongan yang ingkar akan menyebabkan umat Islam berhati-hati dan tidak mengulangi perkara tersebut.

Kajian ini dirasakan penting bagi mengembalikan semula masyarakat Islam pada hari ini yang semakin jauh dari landasan hidup yang sebenar kepada al-Qur‘an dan al-Hadith disebabkan mereka mudah terikut-ikut dengan unsur-unsur yang dibawa oleh barat. Oleh itu, diharap kajian ini akan memberi penjelasan kepada setiap umat Islam bahawa kelalaian terhadap tujuan hidup manusia diciptakan yang bertindak sebagai hamba dan khalifah akan menyebabkan manusia semakin lalai dan jauh dari Allah SWT.



Selain itu, kajian ini turut berperanan bagi menerangkan kepada umat Islam bahawa *jaza'* berlaku di dunia dan juga di akhirat serta menimpa orang Islam atau kafir.

## **h) Metodologi Kajian**

Metodologi adalah ilmu tentang cara mengadakan penelitian supaya ianya dapat menepati kehendak ilmiah. Perkataan ini berasal dari Yunani 'methodos' yang bererti cara dan 'logos' bererti ilmu. Dalam kajian ini penulis menggunakan beberapa metode kajian kepustakaan. di mana penyelidikan lebih tertumpu kepada pengkajian buku-buku di perpustakaan bagi mendapatkan data dan bahan. Metodologi ini dikenali dengan kajian perpustakaan (*Library Research*) yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data.

### **i. Metode Pengumpulan Data**

Dalam usaha mengumpulkan data, beberapa metode akan digabung jalinkan di mana data-data tersebut akan diperolehi berdasarkan subjek yang dikaji. Penulis seterusnya akan memproses serta menyusun maklumat yang diperolehi bagi menghasilkan penulisan yang lengkap dan sempurna. Antara metode yang akan digunakan oleh penulis dalam proses pengumpulan data adalah menggunakan metode dokumentasi.

Sehubungan itu, penulis akan mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan skop perbincangan dengan mengkaji karya-karya yang telah dihasilkan oleh para *mufassir* dan penulis buku berkenaan *jaza'* Allah terhadap kaum yang ingkar berdasarkan surah Ali 'Imran untuk mendapatkan maklumat semasa

daripada bahan bacaan. Penulis cuba memanfaatkan bahan-bahan bertulis sama ada sumber primer atau sekunder untuk mengumpul data yang terdiri daripada buku-buku, tesis, jurnal, kajian-kajian ilmiah dan disertasi. Penulis juga menggunakan rujukan berbahasa yang terdiri daripada kamus bagi memperjelaskan istilah-istilah tertentu.

Dalam penulisan ilmiah ini, penulis telah menggunakan beberapa perpustakaan sebagai tempat rujukan untuk mencari dan mendapatkan bahan-bahan penulisan kajian. Antaranya adalah:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- iii) Perpustakaan Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- iv) Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya.
- v) Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.
- vi) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- vii) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak.
- viii) Perpustakaan Awam Kuala Selangor.

## ii. Metode Analisis Data

Dalam menganalisis data yang diperolehi, penulis menggunakan metode historis, metode komparatif, metode induktif dan metode deduktif.

### 1) Metode Historis

Metode historis ialah satu proses untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai peristiwa atau kejadian<sup>17</sup> atau cara membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah.<sup>18</sup>

Menerusi metode ini, penulis akan mengupas perbincangan mengenai sejarah kaum yang ingkar termasuklah golongan Yahudi yang sememangnya terkenal dengan sikap mereka yang enggan mengakui kebenaran al-Qur'an. Penulis turut menggunakan metode historis bagi menjelaskan mengenai kisah Perang Uhud di mana terdapat sebilangan sahabat yang enggan mendengar arahan baginda SAW dalam perang ini.

### 2) Metode Komparatif

Metode komparatif ini digunakan bagi membuat perbandingan antara sumber-sumber yang diperolehi bagi memastikan sumber manakah yang lebih tepat dan benar. Dengan itu, perbandingan ini akan dinilai dengan lebih terperinci.

Dalam kajian ini, penulis membandingkan faktor berlakunya kezaliman iaitu disebabkan oleh harta yang banyak dan kekuasaan dalam pemerintahan. Seseorang yang memiliki banyak harta akan bermewah-

---

<sup>17</sup> Barnabib (1982), *Metod Sejarah Penyelidikan*, Jakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, h. 52.

<sup>18</sup> Sidi Ghazalba (t.t), *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 77.

mewah dengan kehidupan dan akhirnya akan menjadi kufur nikmat, manakala seseorang yang mempunyai kuasa pemerintahan pula akan menggunakan kedudukannya untuk menindas dan menzalimi orang bawahannya seperti Fir'aun dan pengikutnya yang telah bertindak zalim terhadap rakyatnya. Kemuncak kezalimannya adalah apabila Fir'aun membuat pengakuan bahawa dirinya adalah Tuhan dan anak-anak lelaki dibunuh kerana kluatir akan menjatuhkan kekuasaannya sebagai pemerintah.

### 3) Metode Induktif

Metode induktif merupakan satu cara penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dalam hal-hal yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan dalam hal-hal yang bersifat umum ataupun sampai kepada dalil yang umum.<sup>19</sup>

Dalam kajian ini, metode tersebut digunakan bagi menjelaskan bahawa *jaza'* sebenarnya berperanan bagi memberikan pengajaran dan *'ibrah* kepada seluruh umat Islam.

### 4) Metode Deduktif

Metode deduktif pula merupakan kaedah menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berlandaskan kepada bukti-bukti umum terhadap hal-hal yang khusus. Di samping itu juga, metode ini merupakan cara untuk menjelaskan sesuatu persoalan terhadap isu-isu yang timbul dengan lebih terperinci.

---

<sup>19</sup> Barnabib (1982), *op. cit.*, h. 51.

Contohnya, dalam bab 4, setelah penulis menghuraikan mengenai kaum yang ingkar, didapati *al-Jaza'* yang akan ditimpakan ke atas mereka adalah kehinaan yang akan mereka perolehi disebabkan perilaku mereka yang ingkar terhadap suruhan Allah SWT seperti mana yang ditimpakan ke atas kaum Yahudi.

#### **i) Sistematika Penulisan**

Sistematika penulisan yang telah digunakan penulis dalam kajian ini dimulakan dengan halaman tajuk dan disusuli dengan halaman pengesahan, halaman motto, dedikasi, abstrak, penghargaan, daftar isi, jadual transliterasi dan juga senarai kependekan. Penulis seterusnya membahagikan kajian ini kepada 5 bab seperti berikut:

##### **i. Bab 1: Pengertian *Al-Jaza'* Dan Pengertian Kaum Yang Ingkar**

Bab pertama dijelaskan pengertian *al-Jaza'* dan pengertian kaum yang ingkar. Penulis mendatangkan pandangan ulama' mengenai jenis-jenis *al-Jaza'* dan penggunaannya di dalam al-Qur'an, pengertian golongan yang ingkar serta ciri-ciri golongan tersebut.

##### **ii. Bab 2: Kaum Yang Ingkar Menurut Surah Ali 'Imran**

Pada bab kedua di bawah tajuk kaum yang ingkar menurut surah Ali 'Imran, penulis mengkategorikan kaum yang ingkar kepada dua golongan iaitu ahli kitab dan para pejuang Islam yang melanggar arahan Nabi Muhammad SAW dalam Perang Uhud.

iii. Bab 3: *Al-Jaza'* Dalam Surah Ali 'Imran

Bab ini mempunyai kaitan khusus dengan bab dua yang menjelaskan *jaza'* Allah SWT ke atas golongan yang ingkar semasa di dunia dan azab di akhirat nanti.

iv. Bab 4: Perkaitan *al- Jaza'* Dengan Perilaku Kaum Yang Ingkar

Pada bab keempat, penulis akan menerangkan analisis terhadap perkaitan atau hubung kait antara sikap golongan yang ingkar dengan *jaza'* Allah SWT. Mereka layak menerima balasan buruk serta azab Allah SWT atas sikap dan perbuatan buruk yang mereka lakukan. Ia memberi gambaran bahawa segala yang berlaku di dunia ini tidak lari dari ketetapan Allah sejak azali, dan setiap yang berlaku merupakan sunnatullah.

v. Bab 5: Penutup

Bab kelima merupakan bab yang terakhir yang mengandungi rumusan dan hasil kajian. Di samping itu, beberapa cadangan juga dikemukakan berdasarkan kepada hasil keseluruhan kajian.

## BAB SATU

### PENGERTIAN *AL-JAZA'* DAN PENGERTIAN KAUM YANG INKAR

#### 1.1 Pengenalan

Sesungguhnya Allah SWT memuliakan umat Nabi Muhammad SAW dengan penurunan kitab suci al-Qur'an, dan memuliakan umat Islam dengan kebenaran al-Qur'an dan beramal dengan isi kandungannya, seterusnya Allah SWT memerintahkan manusia supaya mengamati dan meneliti isi kandungan al-Qur'an. Hal ini kerana setiap perlakuan dan tindak tanduk manusia itu akan dibalas oleh Allah SWT:

Firman Allah SWT :

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ ۖ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: (Inilah) kitab yang Kami turunkan kepada engkau lagi diberkati, supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat peringatan orang-orang yang berakal.

(Surah Sad, 38:29)

Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui setiap perlakuan manusia, sama ada yang nyata atau tersembunyi dan Allah SWT akan memberi balasan kepada setiap orang mengikut apa yang dikerjakan. Orang mukmin hendaklah yakin bahawa setiap perkara yang dilakukan pasti akan mendapat balasan dari Allah SWT. Sekiranya perkara itu baik maka syurgalah ganjarannya dan jika sebaliknya maka nerakalah pembalasannya. Bukanlah satu kerugian jika seseorang mukmin itu melakukan kebaikan kerana

kebaikan itu akan berbalik kepada dirinya sendiri, apatah lagi sekiranya kebaikan itu diikuti oleh orang lain maka selama mana kebaikan itu dilakukan maka berterusanlah pahala yang akan diterima dan begitulah juga dengan kejahatan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

إِن أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا<sup>ج</sup>

Maksudnya: Jika kamu berbuat baik, nescaya kamu berbuat baik untuk dirimu. Jika kamu berbuat jahat, (balasannya) untuk dirimu juga.

(Surah al-Isra', 17:7 )

Syariat Islam meletakkan hukuman atas perbuatan yang dilakukan dengan niat dan pilihan, iaitu apabila seseorang mukmin melakukan sesuatu perkara, dan ia faham akan perkara itu, sama ada baik atau buruk, halal atau haram dan sebagainya, lalu ia melakukannya dengan rela hati atau tenang fikiran, maka sudah tentu ia bertanggungjawab ke atasnya. Jika baik dibalas dengan baik dan jika buruk dibalas dengan buruk jua. Demikianlah jika halal diberi pahala dan jika haram diberi dosa. Itulah keadilan Allah SWT, dibalasNya setiap perbuatan dengan balasan yang setimpal dengannya.

Dalam bab ini, penulis akan memberikan penerangan mengenai *al-Jazā'* dan kaum yang ingkar.



## 1.2 Pengertian *Al-Jazā'*

Kalimah *al-Jazā'* adalah kata dasar dari جزى يجزى جزاء yang bermaksud memberi balasan,<sup>20</sup> memberi kepuasan dan mencukupi,<sup>21</sup> pahala, balasan, ganjaran, hukuman, denda.<sup>22</sup> Menurut Kamus Dewan, 'balasan' bermaksud ganjaran, hukuman.<sup>23</sup> Perkataan 'balasan' (untuk perbuatan jahat dan lain-lain), 'ganjaran' pula bermaksud hadiah (untuk perbuatan baik dan lain-lain)<sup>24</sup>. Berdasarkan pengertian di atas, dapatlah difahami istilah 'balasan' boleh digunakan pada perbuatan jahat dan perbuatan baik manakala 'ganjaran' hanya digunakan untuk perbuatan baik sahaja.

Ini berbeza dengan lafaz *al-Jazā'* yang terdapat dalam al-Qur'an. Dalam *Mu'jam al-Farid*, *al-Jazā'* boleh digunakan pada ganjaran pahala dan balasan dosa<sup>25</sup>. Ini bermakna kalimah *al-Jazā'* yang didatangkan dalam pelbagai *sighah* menurut pengertian al-Qur'an sesuai digunakan pada perbuatan baik, perbuatan jahat dan ia juga boleh digunakan pada kedua-dua perbuatan tersebut.

---

<sup>20</sup> Uthman bin Khalid et al. (2006), *Op.cit*, c.1, h.304.

<sup>21</sup> Ahmad al-'Ayad et.al. (1988), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, Tunis, h. 248.

<sup>22</sup> Muhammad Khairi Zainuddin et.al. (2008), *Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*, Selangor: Angkatan Edaran Enterprise Sdn Bhd, c.2, h. 611.

<sup>23</sup> Ibrahim bin Hj Ahmad et al. (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi 4, h.115.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h.432.

<sup>25</sup> Kamil Muhammad al-Jazzar (2006), *al-Mu'jam al-Farid Li Ma'ani Kalimat al-Qur'an al-Majid*, Kaherah: Dar al-Tauzi' Wa al-Nasyr al-Islamiyyah, h. 202.

### 1.3 Pengertian *Al-Jazā'* Di Dalam al-Qur'an

Menurut Ensiklopedia Islam, *al-Jazā'* disebut di dalam al-Qur'an dengan berbagai-bagai *sighah*. Sebanyak 116 kali dalam al-Qur'an yang tersebar dalam 47 surah di mana ia terdiri daripada 30 surah *Makkiyyah* dan 17 surah *Madaniyyah*. Di antara 116 sebutan itu, 42 kali merupakan balasan baik yang membawa maksud pahala, 49 kali balasan buruk iaitu siksa dan 25 kali balasan tanpa menyebutkan baik atau buruk. Dalam ayat-ayat tersebut, pengertian *jazā'* umumnya berkaitan dengan balasan Allah SWT di akhirat, kecuali yang terdapat dalam beberapa ayat seperti surah al-Baqarah ayat 85, surah al-Maidah ayat 33 dan 95, surah Yusuf ayat 22 dan 25, surah al-Qasas ayat 25 dan surah al-Saffat ayat 80, 105, 110, 121 dan 131.<sup>26</sup>

Secara umumnya, kalimah *jazā'* boleh diertikan sebagai balasan baik dan buruk, balasan nikmat dan azab, serta balasan syurga dan neraka.<sup>27</sup> Di dalam *Mu'jam al-Aghlat, fi'il جزی* disebut sebanyak 72 kali di dalam al-Qur'an. 30 tempat yang mempunyai kalimah *jazā'* menunjukkan maksud balasan baik, 29 tempat menunjukkan makna balasan buruk dan 13 tempat membawa maksud balasan baik dan buruk.<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> H. Abuddin Nata *et. al* (Dr.) (1999), *Ensiklopedia Islam*, Jakarta, c.3, h.284-285.

<sup>27</sup> 'Abd al-Sabbur Marzuq (Dr)(1995), *op.cit.*, c.1, j.1, h.463 lihat juga Kamil Muhammad Salim al-Jazzar, (2006) *op.cit.*, j.1, c.1, h.202. Lihat juga Majma' al-Lughat al-'Arabiyyah (t.t) *Mu'jam Alfaz al-Qur'an al-Karim*, c.2,j.1, h.191.

<sup>28</sup> Muhammad al-'Adnani (1986), *Mu'jam al-Aghlat al-Lughawiyah al-Mu'asirah*, Beirut: Maktabah Lubnan, h.122.

Berikut disenaraikan beberapa contoh ayat al-Qur'an yang menerangkan penggunaan perkataan *jaza'*:

### 1.3.1 *Fi'il Al-Jaza'* Yang Bermaksud Balasan Baik

Firman Allah SWT:

وَجَزَلْنَاهُمْ بِمَا صَبَرُوا جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾

Maksudnya: Dan Dia memberi balasan kepada mereka kerana kesabaran mereka (dengan) syurga dan (pakaian) sutera.

( al-Insan, 76:12 )

Firman Allah SWT :

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ  
خَالِدِينَ فِيهَا وَنَعَمَ أَجْرَ الْعَامِلِينَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Balasan mereka itu ialah keampunan dari Tuhannya dan syurga yang mengalir air sungai di bawahnya, sedang mereka kekal di dalamnya. Itulah sebaik-baik pahala bagi orang yang beramal.

(Surah Ali 'Imran, 3:136 )

Firman Allah SWT :

هُم مَّا يَشَاءُونَ عِنْدَ رَبِّهِمْ ذَلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya : Mereka memperoleh apa yang mereka kehendaki pada sisi Tuhan mereka. Demikianlah balasan orang-orang yang berbuat baik.

(Surah al-Zumar,39:34)

Berbagai-bagai bentuk balasan baik yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hambaNya yang beriman. Di antaranya adalah keampunan dari Allah SWT, balasan syurga dan dipakaikan pakaian sutera, seterusnya diberi gambaran

tentang syurga di mana mengalir sungai-sungai di dalamnya. Bukan itu sahaja, segala keinginan mereka akan disempurnakan oleh Allah SWT, dan puncak kenikmatan bagi mereka apabila dapat melihat Allah SWT di akhirat kelak. Inilah balasan yang akan diterima bagi mereka yang beriman dengan Allah SWT dan RasulNya.

### 1.3.2 *Fi'il Al-Jaz'a'* Yang Bermaksud Balasan Buruk

Firman Allah SWT :

هُم مِّنْ جَهَنَّمَ مِهَادٌ وَمِن فَوْقِهِمْ غَوَاشٍ ۚ وَكَذَلِكَ الظَّالِمِينَ نَجْزِي ﴿٤١﴾

Maksudnya: Mereka mempunyai tikar tidur dari api neraka dan di atas mereka ada selimut (api neraka)<sup>29</sup>. Demikianlah kami memberi balasan kepada orang-orang yang zalim.

(Surah al-A'raf , 7: 41)

Firman Allah SWT :

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةَ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya : Mereka itu, balasannya ialah: bahwasanya laknat Allah SWT ditimpakan kepada mereka, (demikian pula) laknat para malaikat dan manusia seluruhnya.

(Surah Ali 'Imran, 3: 87 )

<sup>29</sup> Maksudnya: mereka terkepung dalam api neraka

Firman Allah SWT :

ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ ۖ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: Kemudian Allah SWT menurunkan ketenangan kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman, dan Allah SWT menurunkan bala tentara yang kamu tiada melihatnya, dan Allah SWT menimpakan bencana kepada orang yang kafir, dan demikianlah pembalasan kepada orang-orang yang kafir.

(Surah al-Tawbah, 9: 26 )

Ayat di atas menjelaskan bentuk-bentuk *jaza'* Allah SWT yang dikenakan ke atas golongan yang ingkar, antaranya kutukan dan laknat dari Allah SWT, bala bencana yang keras seperti gempa bumi, banjir besar, ribut taufan, kebakaran dan seumpamanya. Ini berlaku disebabkan sikap manusia sendiri yang ingkar terhadap ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasul Allah.

### 1.3.3 *Fi'il Al-Jaza'* Yang Menunjukkan Balasan Baik Dan Balasan Buruk

Firman Allah SWT :

إِنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ أَكَادُ أَخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا تَسْعَىٰ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Segungguhnya hari kiamat itu akan datang Aku merahsiakan (waktunya) agar supaya tiap-tiap diri itu dibalas dengan apa yang ia usahakan.

(Surah Taha, 20:15 )

Firman Allah S.W.T :

لِيَجْزِيَ اللَّهُ كُلَّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٥١﴾

Maksudnya: Agar Allah SWT memberi pembalasan kepada tiap-tiap orang terhadap apa yang ia usahakan. Sesungguhnya Allah Maha cepat hisabNya.

(Surah Ibrahim, 14 : 51)

Firman Allah SWT lagi :

وَلْتَجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Dan agar dibalasi tiap-tiap diri terhadap apa yang dikerjakannya, dan mereka tidak akan dizalimi.

(Surah al-Jathiyah, 45:22 )

Bahagian yang ketiga ini lebih bersifat umum, ia ditujukan kepada hamba-hamba Allah SWT sama ada Islam atau kafir. Antara bukti kasih sayang Allah SWT kepada hamba-hambaNya ialah nikmat kurniaan akal yang mana dengannya manusia boleh berfikir baik atau buruk, dosa atau pahala, betul atau salah dan seumpamanya. Penurunan kitab suci al-Qur'an kepada Rasulullah SAW menjadi pelengkap kepada pedoman hidup manusia agar mereka tidak terjerumus ke lembah kebinasaan atau kesesatan.

Merujuk kepada ayat 15 surah Taha, Allah SWT merahsiakan waktu berlakunya kiamat daripada hamba-hambaNya. Ia bertujuan menguji keimanan dan ketaqwaan hamba-hambaNya, agar mereka ikhlas dalam beramal dan lebih bersedia untuk menghadapinya. Walau bagaimanapun Allah Maha Adil, diceritakan tanda-tanda awal dan tanda-tanda akhir akan berlakunya kiamat. Ini

semua dijelaskan di dalam al-Qur'an yang menjadi sumber rujukan utama umat Islam.

Kesimpulannya, konsep *al-Jazā'* terkandung dalam dua pengertian iaitu:

a) *Jazā'* Allah SWT berlaku dalam dua keadaan, kebaikan dan keburukan.

Firman Allah SWT:

وَجَزَاهُمْ بِمَا صَبَرُوا جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾

Maksudnya: Dan dia memberi balasan kepada mereka kerana kesabaran mereka (dengan) syurga dan (pakaian) sutera.

(Surah al-Insan, 76:12 )

FirmanNya lagi :

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةَ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Mereka itu, balasannya ialah: bahwasanya laknat Allah SWT ditimpakan kepada mereka, (demikian pula) laknat para malaikat dan manusia seluruhnya.

(Surah Ali 'Imran, 3: 87 )

b) *Jazā'* Allah SWT menimpa secara umum sama ada orang beriman atau kufur, *sunnatullah* menetapkan bahawa sesiapa yang melakukan kemungkaran ia akan menerima balasannya, jika kebaikan yang diterimanya maka itu adalah berupa rahmat dan kasih sayang Allah SWT, akan tetapi jika musibah yang menimpanya, maka itu adalah pilihannya sendiri kerana Allah SWT telah mengurniakan akal untuk membimbing manusia, Rasul

sebagai penunjuk kebenaran dan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai pedoman hidup.

#### **1.4 Al-Jaz' Menurut Pandangan Ulama'**

Dalam bahagian ini, penulis membawakan dua pandangan ulama' iaitu Dr. 'Abd al-Sabbur dan Muhammad Bassam Rushdi.

##### **1.4.1 Dr. 'Abd al-Sabbur**

Menurut beliau, al-Qur'an menyebut 12 jenis balasan (أصناف الجزاء)<sup>30</sup>. Ia dapat dibahagikan kepada dua kategori, balasan baik dan balasan buruk.

##### **i) Balasan Baik**

Terdapat 5 kategori balasan baik iaitu:

##### **a) Balasan Kepada Orang Yang Beriman Dan Beramal Soleh**

Menurut Sayyid Qutb, orang-orang yang beriman dan membuktikan keimanan mereka dengan amalan yang soleh, mereka akan memperolehi keampunan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan rezeki yang mulia iaitu nikmat-nikmat akhirat.<sup>31</sup>

---

<sup>30</sup> 'Abd al-Sabbur Marzuq (Dr) (1995), *Mu'jam al-A'lam wa al-Mawduat Fi al-Qur'an al-Karim*, Beirut: Dar al-Syuruq, c.1, j.1, h.467.

<sup>31</sup> Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, Yusoff Zaky Haji Yacob (terj.) Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd, c.1, j.13, h.181.



Firman Allah SWT :

لِيَجْزِيَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ؕ أُولَٰئِكَ هُم مَغْفِرَةٌ وَّرِزْقٌ  
كَرِيمٌ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Supaya Allah membalasi orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Untuk mereka ampunan dan rezeki yang mulia.

(Surah Saba', 34:4 )

b. Balasan Kepada Orang-Orang Yang Bertaqwa

Firman Allah SWT :

جَنَّاتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا يُجْرَىٰ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۗ هُمْ فِيهَا مَا  
يَشَاءُونَ ۗ كَذَٰلِكَ يَجْزِي اللَّهُ الْمُتَّقِينَ ﴿٣١﴾ الَّذِينَ تَتَوَفَّاهُمُ  
الْمَلَائِكَةُ طَيِّبِينَ يَقُولُونَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ ۖ ادْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ  
تَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: (Iaitu) syurga 'Adn, mereka itu masuk ke dalamnya, sedang air sungai mengalir di bawahnya, untuk mereka itu di dalamnya apa yang mereka kehendaki. Demikianlah Allah SWT membalas orang-orang yang bebrtaqwa. (Iaitu) orang-orang yang diwafatkan oleh malaikat, sedang mereka itu orang-orang baik. Berkata malaikat: Salam atas kamu, masuklah kamu ke dalam syurga, sebab (amal yang) kamu kerjakan.

(Surah al-Nahl,16:31-32 )

Ganjaran bagi orang yang bertaqwa, disediakan Syurga 'Adn untuk kediaman mereka yang mana mengalir di bawahnya sungai-sungai yang mencerminkan kemewahan hidup mereka. Di sana, mereka tidak rasa penat lelah dan tiada sebarang sekatan rezeki, mereka akan digambarkan keadaan nazak maut yang senang, lemah lembut dan mesra.<sup>32</sup>

<sup>32</sup> *Ibid.*, j.10, h. 38-39.

c. Balasan Kepada Orang Yang Melakukan Kebaikan

Firman Allah SWT :

فَأَثَبَهُمُ اللَّهُ بِمَا قَالُوا جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا  
وَذَلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: Lalu Allah SWT membalas mereka, kerana perkataannya itu dengan syurga yang mengalir air sungai dibawahnya, serta kekal mereka di dalamnya. Dan demikianlah balasan bagi orang-orang yang berbuat baik.

(Surah al-Maidah, 5:85 )

Sayyid Qutb menjelaskan melalui ayat 83 surah al-Maidah ia menceritakan sifat-sifat golongan *Nasara* yang tertentu yang amat dekat dan mesra dengan orang-orang beriman, iaitu apabila mereka mendengar ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah SWT kepada RasulNya, maka seluruh perasaan mereka menjadi terharu dan gementar, hati mereka terasa lembut dan mata mereka mencucuri air mata. Malahan bukan sekadar itu, mereka turut mengumumkan keimanan dan pengakuan itu dengan pernyataan yang lantang, mendalam dan terus terang.<sup>33</sup> Maka dengan perkataan yang baik itu dikurniakan kepada mereka syurga Allah SWT dan mereka diiktiraf sebagai para *muhsinin* yang akan dibalas dengan ganjaran yang berlipat kali ganda. Darjat ihsan merupakan setinggi-tinggi darjah keimanan dan keIslaman.<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, j.4, h. 458-459.

<sup>34</sup> *Ibid.*, j.4, h.461.

d. Balasan Kepada Orang-Orang Yang Bersabar

Firman Allah SWT :

وَجَزَلْنَاهُمْ بِمَا صَبَرُوا جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿٧٦﴾

Maksudnya: Dan Dia membalasi mereka kerana mereka bersabar dengan syurga dan pakaian sutera.

(Surah al-Insan, 76 :12 )

e. Balasan Kepada Orang Yang Berjihad Di Jalan Allah SWT <sup>35</sup>

Firman Allah SWT:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ ۗ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً ۗ وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ ۗ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾ دَرَجَاتٍ مِّنْهُ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً ۗ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٩٦﴾

Maksudnya: Tidak sama orang-orang yang duduk di antara orang mukmin dengan orang-orang yang berjuang pada jalan Allah SWT dengan harta dan jiwanya kecuali mereka yang ditimpa kezururan. Allah melebihkan satu darjat orang-orang yang berjuang dengan harta dan jiwanya dari orang-orang yang duduk (tidak pergi kerana uzur). Untuk masing-masingnya Allah SWT menjanjikan kebaikan. Allah SWT melebihkan orang-orang yang berjuang dari orang-orang yang duduk (tanpa uzur) dengan pahala yang besar. (Iaitu) beberapa darjat serta (mendapat) keampunan dan rahmat dan Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah al-Nisa', 4:95-96 )

<sup>35</sup> Muhammad 'Abd Allah al-Khatib *et.al* (t.t), *Nazarat Fi Risalah al- Ta'lim*, Mesir: Dar al-Tauzi' Wa al-Nasyr al-Islamiyyah, h.223.

Pada bahagian ini, walaupun tidak terdapat kalimah *jaza'* tetapi ia masih difahami balasan baik kepada mereka yang berjuang di jalan Allah SWT.

Kesimpulannya, kebanyakan balasan baik yang akan diterima oleh orang beriman berupa kenikmatan di akhirat nanti. Walau bagaimanapun mereka turut menerima ganjarannya semasa di dunia seperti diberikan keampunan dan dipermudahkan semasa sakaratul maut. Seterusnya Allah SWT menggambarkan nikmat yang bakal dikecapi oleh orang beriman dengan ganjaran syurga yang menyediakan berbagai nikmat yang tidak akan putus-putus.

## ii) Balasan Buruk

Terdapat tujuh kategori balasan buruk iaitu:

### a. Balasan Terhadap Kekufuran

Firman Allah SWT:

ذٰلِكَ جَزَاؤُهُمْ جَهَنَّمَ بِمَا كَفَرُوا وَاتَّخَذُوا آيَاتِي وَرُسُلِي هُزُوًا ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: Itulah balasan mereka, (iaitu) neraka jahannam, sebab mereka kafir dan mengambil ayat-ayatKu dan rasul-rasulKu sebagai bahan ejekan.

(Surah al-Kahf, 18:106 )

Ayat di atas menjelaskan bahawa mereka ialah orang yang tidak mempercayai ayat-ayat Allah SWT dan mengingkari pertemuan pada hari kiamat. Balasannya, amalan mereka yang dianggap baik, berjaya dan menguntungkan tiba-tiba membawa kepada kebinasaan, mereka tidak diberi

sebarang nilai dan pertimbangan di dalam neraca nilai-nilai yang sebenar pada hari kiamat dan mereka akan memperolehi balasan mereka yang sebenar iaitu neraka jahannam.<sup>36</sup>

b. Balasan Kepada Orang Murtad Dan Takabbur

Firman Allah SWT :

وَيَوْمَ يُعْرَضُ الَّذِينَ كَفَرُوا عَلَى النَّارِ أَلَّذِينَ أُذْهِبَتْمْ طَيِّبَاتِكُمْ فِي حَيَاتِكُمْ  
الدُّنْيَا وَاسْتَمْتَعْتُمْ بِهَا فَالْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنْتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ  
فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَبِمَا كُنْتُمْ تَفْسُقُونَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Dan pada hari dihadapkan orang-orang kafir ke dalam neraka, (lalu dikatakan kepadanya): Adakah kamu sia-siakan kesenanganmu ketika hidupmu di dunia dan kamu telah bersuka ria dengannya, maka pada hari ini kamu dibalas dengan siksaan kehinaan, kerana kamu takbur di muka bumi, tanpa kebenaran dan kerana kamu fasik.

(Surah al-Ahqaf, 46:20 )

c. Balasan Kepada Orang Yang Berdusta Terhadap Allah SWT

Sayyid Qutb menjelaskan, balasan kepada orang yang tidak mendapat hidayah Allah SWT, mereka berada dalam keadaan hina dan mengerunkan, mereka diseret di atas muka mereka dan mereka terhuyung-hayang kerana buta, pekak dan tuli. Mereka tidak dapat melihat dan tidak dapat menggunakan anggota pancaindera mereka dalam kumpulan manusia yang penuh sesak sebagai balasan terhadap kesalahan mereka yang tidak mahu menggunakan anggota-anggota pancaindera mereka di dunia ini untuk memahami dalil-dalil hidayah. Penghabisan hidup mereka ialah neraka jahannam yang tidak pernah sejuk dan malap nyalaan apinya.

<sup>36</sup> Sayyid Qutb (2000), *op.cit.*, c. 1, j.10, h.389.

Firman Allah SWT :

وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِهِ  
وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ عُمِيَآ وَبُكْمًا وَصَمًا مَّأْوَاهُمْ  
جَهَنَّمُ كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَاهُمْ سَعِيرًا ﴿١٧﴾ ذَلِكَ جَزَاءُهم بَأْسِهِمْ  
كَفَرُوا بِعَآئِنَتِنَا وَقَالُوا أَإِذَا كُنَّا عِظْمًا وَرُفَاتًا أءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا  
جَدِيدًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: Maka barangsiapa ditunjukkan Allah SWT, maka dia mendapat petunjuk maka barangsiapa disesatkanNya, maka engkau tidak memperoleh wali (penolong) untuk mereka, selain daripadaNya. Kami himpulkan mereka pada hari kiamat, (dihumban) dari di atas mukanya, sedang mereka buta, bisu dan pekak. Tempat mereka di dalam neraka jahannam. Setiap kurang nyala apinya, lalu Kami tambah, sampai menyala-nyala. Demikianlah balasan untuk mereka, kerana mereka ingkar akan ayat-ayat Kami, dan mereka berkata: Apabila kami menjadi tulang dan telah hancur, adakah boleh kami dibangkitkan menjadi makhluk yang baru?

(Surah al-Isra', 17 :97-98 )

Itulah balasan dan kesudahan yang menakut dan mengerutkan. Tetapi itulah balasan yang wajar diterima kerana menolak ayat-ayat Allah SWT dan mengingkari kebangkitan dan menganggapnya sebagai sesuatu yang jauh dari kemungkinan berlaku.<sup>37</sup>

<sup>37</sup> *Ibid.*, j.10, h. 268-269.

d. Balasan Kepada Orang Musyrikin

Firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ نَارُ جَهَنَّمَ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا وَلَا يُخَفَّفُ  
عَنْهُمْ مِنْ عَذَابِهَا كَذَلِكَ نَجْزِي كُلَّ كَافِرٍ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang kafir itu, untuk mereka neraka jahannam, mereka tidak dihukum mati, (jika mati tentu) mereka musnah dan tidak pula diringankan siksaan untuk mereka. Demikianlah kami membalas setiap orang kafir.

(Surah Fatir, 35:36 )

Ayat di atas menjelaskan bahawa orang-orang yang menutup nikmat kurniaan akal daripada melihat tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang jelas seperti matahari menyinar, maka Allah SWT sediakan untuk mereka api neraka jahannam yang mana mereka tidak akan dimatikan buat kali kedua dan tidak diberi kerehatan daripada azab Allah SWT malah tidak ada keringanan dari azab bahkan apabila nyalaannya reda maka ditambahkan nyalaan tersebut.<sup>38</sup>

e. Balasan Orang Yang Melakukan Kerosakan Di Muka Bumi

Para fuqaha' di dalam mazhab Abu Hanifah, al-Shafie dan Ahmad berpendapat bahawa hukuman-hukuman itu dilaksanakan mengikut jenayah yang berlaku, iaitu sesiapa yang membunuh tetapi tidak merampas harta benda maka ia dikenakan hukuman bunuh dan sesiapa yang merampas harta benda tetapi tidak membunuh maka dikenakan hukuman potong tangan.

<sup>38</sup> Ahmad Mustafa al-Maraghi (t.t), *Tafsir al-Maraghi*, j.22, h. 132.

Firman Allah SWT :

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِّنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah SWT dan RasulNya, dan berusaha membuat bencana di muka bumi, bahawa mereka itu dibunuh atau disalib atau dipotong tangannya dengan berselang, atau dibuang jauh dari tanah airnya. Balasan itu adalah satu kehinaan bagi mereka di dunia dan untuk mereka di akhirat seksaan yang besar.

(Surah al-Maidah, 5 :33 )

Manakala sesiapa yang membunuh dan merampas harta benda, maka dia dihukum bunuh dan salib dan sesiapa yang menakut-nakut atau mengancam keamanan di jalan tetapi tidak membunuh dan tidak merampas harta benda maka ia dikenakan hukuman buang negeri. <sup>39</sup>

f. Balasan Kepada Orang Yang Zalim

Firman Allah SWT :

لَهُمْ مِّنْ جَهَنَّمَ مِهَادٌ وَمِنَ فَوْقِهِمْ غَوَاشٍ ۚ وَكَذَلِكَ نُجْزِي الظَّالِمِينَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Untuk mereka tikar dari api neraka dan di atasnya kain selimut. Dan demikianlah kami membalas kaum yang zalim.

(Surah al-A'raf ,7 :41 )

<sup>39</sup> Sayyid Qutb (1985), *Fi Zilal al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Syuruq, j.5-7, c.11, h.879.



Orang-orang yang zalim ialah mereka yang melakukan kesalahan dan orang-orang musyrikin yang mendustakan ayat-ayat Allah SWT dan mengadakan pembohongan terhadap Allah SWT.<sup>40</sup> Allah SWT menyediakan untuk mereka tikar dan kain selimut dari api neraka.

g. Balasan Kepada Penjenayah

Firman Allah SWT :

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا تَكْلَافًا مِّنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Dan lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, hendaklah dipotong tangan keduanya, sebagai balasan pekerjaan keduanya dan sebagai balasan dari SWT Allah, dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

( Surah al-Maidah, 5:38 )

Tangan yang dipotong ialah tangan kanan hingga ke pergelangan dan apabila ia kembali mencuri (kali yang kedua) maka yang dipotong ialah kaki kiri. Inilah kadar potong yang dipersetujui sebulat oleh fuqaha'. Tetapi mereka berbeza pendapat mengenai hukuman ke atas pencurian kali ketiga dan keempat.<sup>41</sup> Hukuman potong tangan merupakan balasan di atas perbuatan jahat yang mereka lakukan dan ia akan turut memberi pengajaran kepada orang lain. Hal demikian disebabkan tidak ada pengajaran yang lebih bermakna melainkan dengan kaedah memotong tangan pencuri tersebut yang akan ditanggung kesannya sepanjang hidupnya dengan perasaan malu dan 'aib. Hukuman ini juga akan menghalang berleluasanya

<sup>40</sup> Sayyid Qutb (1982), *Fi Zilal al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Syuruq, c.10, j.3., h. 1291.

<sup>41</sup> *Ibid.*, j.4, h. 275.

kejadian mencuri yang melibatkan harta dan nyawa seterusnya boleh memberi keamanan dalam hidup.<sup>42</sup>

Seterusnya, penulis akan menerangkan mengenai *al-Jaza'* menurut pandangan Muhammad Bassam Rushdi al-Zain<sup>43</sup>.

#### 1.4.2 Muhammad Bassam Rushdi al-Zain

Menurut beliau, kalimah *jaza'* di dalam al-Qur'an dikategorikan kepada 6 jenis :

a. *Jaza' al-Ihsan*

Firman Allah SWT :

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ  
خَالِدِينَ فِيهَا وَنَعَم أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿١٣٦﴾

Maksudnya: Balasan mereka itu ialah keampunan dari Tuhannya dan syurga yang mengalir air sungai di bawahnya, sedang mereka kekal di dalamnya. Itulah sebaik-baik pahala bagi orang yang beramal.

(Surah Ali 'Imran,3:136 )

<sup>42</sup> Ahmad Mustafa al-Maraghi (t.t), *op.cit.*, j.2, h.114.

<sup>43</sup> Muhammad Bassam Rushdi al-Zain (1996), *al-Mu'jam al-Mufahras Li Ma'ani al-Qur'an al-'Azim*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, c.2, j.1, h.271-277.

b. *Jaza' al-Ukhrawi*

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾

Maksudnya: Dan barangsiapa membunuh orang mukmin dengan sengaja, maka balasannya neraka jahannam, serta kekal di dalamnya dan Allah SWT murka kepadanya serta mengutuknya serta disediakan baginya seksaan yang besar.

(Surah al-Nisa', 4:93 )

c. *Jaza' al-Isa'ah*

مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَى بِهِ ۖ وَلَا تَجِدَ لَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: Barangsiapa mengerjakan kejahatan, necaya akan dibalas dengan kejahatan pula, sedangkan dia tidak memperoleh wali dan tidak pula penolong selain dari Allah SWT.

(Surah al-Nisa', 4:123 )

d. *Jaza' al-Dunyawi*

مَنْ عَمِلْ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan, baik lelaki atau perempuan, sedang ia beriman nescaya Kami hidupan dia dengan kehidupan yang baik dan Kami balasi mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah amalkan.

(Surah al-Nahl, 16:97 )

e. *Jaza' al-Dunyawi al-Madi*

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Pencuri lelaki dan pencuri perempuan, hendaklah dipotong tangan keduanya, sebagai balasan pekerjaan keduanya dan sebagai seksaan dari Allah SWT dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Ma'idah, 5 :38 )

f. *Jaza' al-Dunyawi al-Ma'nawi*

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةَ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: Balasan untuk mereka itu ialah kutukan Allah SWT ke atas mereka, juga (kutukan) malaikat dan (kutukan) manusia sekaliannya.

(Surah Ali 'Imran, 3:87 )

Kesimpulannya, *jaza'* Allah SWT berlaku secara adil terhadap semua hambaNya. Bagi orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan mendapat ganjaran baik dari Allah SWT di dunia dan akhirat seperti keampunan dari Allah SWT di atas kesalahan yang dilakukan, manakala di akhirat mereka akan mendapat balasan syurga yang mengalir sungai di bawahnya, dipakaikan dengan pakaian sutera serta mereka akan kekal buat selamanya. Manakala balasan bagi yang kufur dan ingkar terhadap ayat-ayat Allah SWT dan ajaran Islam yang disampaikan, serta melakukan kezaliman sesama manusia, maka bagi mereka juga azab di dunia dan akhirat. Mereka akan dilaknat oleh Allah SWT dan malaikat semasa di dunia lagi, amalan baik yang dilakukan semasa di dunia di anggap sia-sia seperti fatamorgana,

manakala di akhirat mereka akan menerima azab Allah SWT yang amat pedih, tidak ada penolong atau pembantu yang boleh meringankan azab tersebut malahan Allah SWT akan menambah nyalaan api neraka ke atas mereka serta mereka akan kekal di dalamnya buat selama-lamanya. Hukuman Allah SWT adalah adil dan tidak perlu penyaksian mana-mana pihak .

Dalam bahagian seterusnya, penulis akan memberikan penerangan mengenai kaum yang ingkar.

## 1.5 Pengertian Kaum Yang Ingkar

Kalimah arabnya dari kata dasar *أنكر ينكر انكارا* yang bermaksud tidak mengetahui dan mengingkari.<sup>44</sup> Di dalam *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, perkataan ingkar bermaksud sesuatu perkara yang bercanggah dengan pengetahuan yang terdapat di dalam hati, hati tidak menerima kebenarannya manakala lidah tidak mengiktiraf kewujudannya.<sup>45</sup> Ia juga bermaksud tidak membenarkan, menyangkal dan mungkir.<sup>46</sup> Menurut Ibn Manzur, ia memberi pengertian pengingkaran.<sup>47</sup>

---

<sup>44</sup> Hj Uthman bin Hj Khalid (2006), *op.cit.*, c.1, h.2432

<sup>45</sup> Ahmad bin Fāris bin Zakariyya (1972), *Mu'jam al-Maqāyis Fi al-Lughah*, Mesir: Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Auladuhu, j.5, c.2, h.476

<sup>46</sup> Teuku Iskandar (Dr.) (1993), *op.cit.*, c.4, h.4

<sup>47</sup> Ibn Manzur (t.t), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, c.3, j.14, h.281

Firman Allah SWT:

يَعْرِفُونَ نِعْمَتَ اللَّهِ ثُمَّ يُنْكِرُونَهَا وَأَكْثَرُهُمُ الْكَافِرُونَ ﴿١٦٣﴾

Maksudnya: Mereka mengetahui nikmat Allah SWT, kemudian mereka mengingkarinya dan kebanyakan mereka kafir.

(Surah al-Nahl, 16:83 )

Berdasarkan ayat di atas, penulis cenderung menyatakan bahawa maksud kaum yang ingkar di sini ialah golongan kafir. Kenyataan ini berdasarkan beberapa fakta berkaitan pengertian kafir serta ciri-ciri golongan tersebut.

### 1.5.1 Pengertian Golongan Kafir Menurut Bahasa

Menurut Ibn Fāris, huruf *kaf*, *fa* dan *ra* merupakan asal yang betul, menunjukkan makna yang satu iaitu tutup dan dinding. Dikatakan kepada sesiapa yang menutup baju besi dengan bajunya, sesungguhnya dia telah mengkufur (menutup) baju besinya.<sup>48</sup> Lawan bagi kufur ialah iman, dinamakan demikian kerana kekufuran itu menutup kebenaran.<sup>49</sup> Kufur juga dikaitkan dengan nikmat Allah SWT. Kufur nikmat lawannya ialah syukur.<sup>50</sup> Dinamakan orang kafir itu kerana mengingkari nikmat-nikmat Allah SWT, dan kerana kekufuran itu menutup seluruh hatinya.<sup>51</sup>

<sup>48</sup> Ahmad bin Fāris bin Zakariyya (1998), *Mu'jam al-Maqāyis Fi al-Lughah*, Beirut: Dar al-Fikr ,c.2, h.930-931.

<sup>49</sup> *Ibid.*, h.931.

<sup>50</sup> Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-Qadir al-Razi (2008), *Mu'jam Mukhtar al-Sahah*, Beirut : Dar Sadir, c.1, h.352.

<sup>51</sup> Muhammad bin Mukarram (t.t), *Lisan al-'Arab*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, c.3, j.12, h.118.

### 1.5.2 Pengertian Golongan Kafir Menurut Istilah

*Kufur* dari segi istilah *syara'* ialah mengingkari sesuatu yang mesti diketahui daripada perkara yang berkaitan agama Islam seperti mengingkari wujudnya Allah SWT, mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW, ingkar terhadap pengharaman zina dan sebagainya.<sup>52</sup> Menurut 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah, perkataan *kufur* digunakan kepada istilah agama untuk menunjukkan sesuatu perkara yang berlawanan dengan iman dan Islam. Oleh itu, sesiapa yang enggan beriman dengan rukun-rukun iman setelah jelas bukti-buktinya, maka dia kafir. Dan sesiapa yang enggan menyerah diri kepada Allah SWT ke atas perkara agama, maka dia kafir.<sup>53</sup>

### 1.5.3 Sifat-Sifat Golongan Kafir

Al-Qur'an menjelaskan beberapa sifat golongan kafir:

#### 1. Sombong Dan Dengki

Firman Allah SWT :

إِلَهُكُمْ إِلَهُ وَاحِدٌ فَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ قُلُوبُهُمْ مُنْكَرَةٌ وَهُمْ مُسْتَكْبِرُونَ

Maksudnya: Tuhanmu, Tuhan yang Esa, orang-orang yang tidak beriman dengan akhirat, hati mereka ingkar dan mereka itu orang-orang yang sombong.

(Surah al-Nahl,16:22 )

<sup>52</sup> Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id Ibn Hazm al-Zahiry (2004), *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, c.1, j.1, h.67.

<sup>53</sup> 'Abd al-Rahman Hassan Habannakah al-Maydani (1993), *Zahirat al-Nifaq Wa Khabaith al-Munafiqin*, Damsyiq: Dar al-Qalam, j.1, Dimasyq, c.1, j.1, h.46.

Sifat sombong dan takbur yang tebal menyebabkan mereka enggan mengiktiraf keesaan Allah SWT walaupun terdapat bukti-bukti yang jelas dan nyata malahan sifat tersebut telah sebatu dalam jiwa mereka.<sup>54</sup>

Menurut ulama', setiap kesalahan atau perbuatan dosa dapat disembunyikan melainkan takbur kerana ia jelas dapat dilihat dan tidak mungkin dapat disembunyikan.<sup>55</sup>

## 2. Tidak Menerima Peringatan

Firman Allah SWT :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang kafir (ingkar) sama bagi mereka, engkau beri peringatan mereka atau tidak engkau beri peringatan, nescaya tidak juga beriman.

(Surah al-Baqarah, 2:6 )

Menurut Ibnu 'Abbas, Rasulullah SAW berusaha bersungguh-sungguh dalam dakwahnya untuk memastikan seluruh umat Islam mengikut risalah yang dibawa baginda. Allah SWT menurunkan ayat ini dengan memberitahu kepada baginda bahawa tidak akan beriman melainkan orang yang dikurniakan kebahagiaan kepada mereka dan tidak akan sesat melainkan golongan yang telah ditetapkan bahawa mereka berada di dalam keadaan celaka.<sup>56</sup>

<sup>54</sup> Abi Su'ud Muhammad bin Muhammad al-'Ummadi (t.t), *Tafsir Abi al-Su'ud al-Musamma Irshad 'Aql al-Salim Ila Mazaya al-Qur'an al-Karim*, Mesir: Maktabah Wa Matba'ah Muhammad 'Ali Sabih Wa Auladuhu, j.2, h.169.

<sup>55</sup> Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (1999), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Beirut : Dar al-Fikr, j.10, h.70.

<sup>56</sup> Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Suyuti (2000), *al-Durr al-Manthur Fi al-Tafsir al-Ma'thur*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1, h.65.



Dalam ayat tersebut dijelaskan sifat-sifat golongan kafir yang sentiasa berada di dalam kekufuran dan kesesatan kerana segala peringatan tidak memberi manfaat kepada mereka.<sup>57</sup>

### 3. Bodoh

Firman Allah SWT:

﴿ قَالَتْ رَسُولُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ ﴾

Maksudnya: Berkata rasul-rasul: patutkah kamu ragu-ragu tentang Allah SWT yang menciptakan langit dan bumi.

(Surah Ibrahim, 14:10)

Dalam ayat tersebut, Allah SWT membersihkan diriNya daripada sebarang keraguan dan menegaskan bahawa mereka yang meragui kewujudan dan keesaanNya, mempunyai pemikiran yang sangat lemah.<sup>58</sup>

### 4. Mendustai Rasul

Setiap rasul yang diutuskan oleh Allah SWT akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dari golongan kafir, antaranya penghinaan, tuduhan yang melampau seperti pendusta, gila, sesat dan sebagainya. Para rasul bukan sahaja didustai malah dibuat permintaan yang pelik untuk membuktikan kerasulan dan ia akan berakhir dengan janji-janji kosong dari golongan kafir.

---

<sup>57</sup> Shahab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi (2001), *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim Wa al-Sab' al-Mathani*, Beirut : Dar al-Ihya' al-Thurath al-'Arabi, c.1 j.1 h.128.

<sup>58</sup> *Ibid.*, j.13, h.195.

Sebagai contoh, kaum Nabi Nuh a.s yang menuduhnya sebagai pendusta dan sesat serta menolak ajaran yang dibawa. Firman Allah SWT :

قَالَ الْمَلَأُ مِنْ قَوْمِهِ إِنَّا لَنَرُّكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: Berkata orang bangsawan di antara kaumnya: sesungguhnya kami melihat engkau dalam kesesatan yang nyata.

(Surah al-A'raf, 7:60)

Firman Allah SWT lagi :

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ مَا نَرُّكَ إِلَّا بَشَرًا مِثْلَنَا وَمَا نَرُّكَ  
أَتَّبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِادِّى الرَّأْيِ وَمَا نَرُّ لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ  
فَضْلٍ بَلْ نُنظِنُكُمْ كَذِبِينَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: Berkata orang-orang bangsawan yang kafir di antara kaumnya: Kami tidak melihat engkau, melainkan seorang manusia seumpama kami dan kami tidak melihat orang yang mengikut engkau, melainkan orang-orang yang hina di antara kami, (lagi) pendek fikirannya, dan kami tidak melihat engkau mempunyai kelebihan di atas kami, tetapi kami menyangka bahawa kamu orang yang bohong.

(Surah Hud, 11:27 )

Nabi Muhammad SAW juga tidak terlepas daripada menerima tentangan dari golongan kafir yang turut mendustai kerasulan baginda SAW. Firman Allah SWT :

وَعَجِبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنْذِرٌ مِنْهُمْ وَقَالَ الْكٰفِرُونَ هَذَا سِحْرٌ كَذَابٌ ﴿٤﴾

Maksudnya: Dan mereka takjub, kerana datang kepada mereka orang memberi peringatan di antara mereka, dan berkata orang-orang kafir: (orang) itu tukang sihir lagi pendusta.

(Surah Sad, 38:4)

Mereka mengucapkan kata-kata ini selepas menyaksikan mukjizat yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh manusia biasa. Mereka mendakwa baginda SAW seorang ahli sihir dengan mukjizat yang dimiliki dan menuduh baginda SAW berdusta kerana mengatakan risalah yang disampaikan itu datangnya daripada Allah SWT.<sup>59</sup> Kata-kata seumpama ini tidak akan dituturkan melainkan oleh golongan yang terlalu jauh berada dalam kekufuran dan begitu fanatik mempertahankannya.

Justeru, mereka sanggup menuduh seseorang yang telah diiktiraf kebenarannya oleh Allah SWT sebagai pendusta dan ahli sihir. Mereka berasa sungguh pelik dengan ajaran tauhid yang di bawa oleh baginda SAW, tetapi tidak berasa pelik dengan perbuatan mereka mensyirikkan Allah SWT.<sup>60</sup>

Hakikatnya, sikap golongan kafir yang suka membuat tuduhan serta permintaan yang luar biasa dari para rasul bukanlah bertujuan untuk beriman dengan dakwah baginda SAW, tetapi sekadar mempermain-mainkannya, malangnya perbuatan jahat mereka akan berbalik semula kepada mereka dengan azab yang menyiksakan di akhirat nanti.

##### 5. Mendustakan Al-Qur'an

Golongan *kuffar* juga mendustakan kitab suci al-Qur'an yang merupakan mukjizat agung Nabi Muhammad SAW.

---

<sup>59</sup> Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shawkani ( t.t), *Fath al-Qadir*, 'Alam al-Kutub, j.4, h.420

<sup>60</sup> 'Abd Allah bin Ahmad bin Mahmud al-Nasafi (1995), *Tafsir al-Nasafi al-Musamma Madarik al-Tanzil Wa Haqiq al-Ta'wil*, Beirut : Dar al-Kutub al'Ilmiyyah, c.1, j.2, h.429

Allah SWT menjelaskan perkara ini melalui firmanNya:

وَقَالُوا مَا هَذَا إِلَّا إِفْكٌ مُّفْتَرًى ۚ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ إِنَّ

هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: Berkata orang-orang kafir (ingkar) tatkala datang kebenaran kepadanya: Ini tidak lain, hanya semata-mata sihir yang nyata.

(Surah Saba', 34:43)

Tohmahan tersebut tidak terhenti setakat itu sahaja, malah ia disusuli dengan perbuatan yang melampau dari golongan tersebut. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَسْمَعُوا هَذَا الْقُرْآنَ وَالْغَوْا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: Dan berkata orang-orang kafir: Janganlah kamu dengar al-Qur'an ini dan berteriak-teriaklah ketika mendengarnya, mudah-mudahan kamu mengalahkannya.

(Surah Fussilat, 41:26)

Menurut Ibn 'Abbas, ayat ini menceritakan perbuatan Abu jahal yang memerintahkan pengikutnya menjerit dan membuat bising di sisi Nabi Muhammad SAW sekiranya baginda membaca al-Qur'an. Tujuannya adalah untuk menghalang sesuatu bacaan itu difahami dan dihayati dengan sebaiknya oleh baginda.<sup>61</sup>

Menurut Muhammad Ibn Idris, ahli kitab ialah golongan yang mengubah hukum-hakam yang terkandung dalam kitab suci. Mereka juga telah kufur terhadap Allah SWT dan mereka-reka pendustaan menerusi lidah-lidah mereka

<sup>61</sup> Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (2002), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, al-Kaherah: Dar al-Hadith, j.15, h.301.

serta mencampur-adukkan kebatilan dengan kebenaran yang datang daripada Allah SWT.<sup>62</sup>

Dalam bahagian seterusnya, penulis akan menerangkan mengenai sifat golongan kafir menurut ahli *al-Ma'ani*.

### 1.6 Sifat Golongan Kafir Menurut Ahli *Al-Ma'ani*<sup>63</sup>

Menurut al-Qurtubi, ahli *al-Ma'ani* menyatakan bahawa Allah SWT mensifatkan hati-hati orang kafir dengan sepuluh sifat :<sup>64</sup>

#### 1. Ingkar

Firman Allah SWT :

إِلَهُكُمْ إِلَهُ وَاحِدٌ فَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ قُلُوبُهُمْ مُنْكَرَةٌ وَهُمْ مُسْتَكْبِرُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Tuhanmu, Tuhan Yang Esa, orang-orang yang tidak beriman dengan akhirat, hati mereka ingkar dan mereka itu orang-orang yang sombong.

(Surah al-Nahl, 16:22 )

<sup>62</sup> Muhammad Ibn Idris al-Syafi'e (1979), *al-Risalah*, Kaherah : Maktabah Dar al-Turath, c.2, h.8.

<sup>63</sup> Ahli al-Ma'ani ialah mereka yang tinggal di satu tempat di negeri Sham. Rujuk Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, Dar al-Ma'arif, j.6, h.4237. Penulis berpendapat ahli al-Ma'ani adalah golongan ahli kalam.

<sup>64</sup> Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (2003), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Dar al-Fikr, j.1, h.167.

2. Sombong

Firman Allah SWT :

﴿١٦﴾ اِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةَ

Maksudnya: (Iaitu) ketika orang-orang kafir menimbulkan perasaan sombong yang ada di dalam hati mereka.

(Surah al-Fath, 48: 26 )

3. Berpaling Dari Kebenaran

﴿١٧﴾ ثُمَّ أَنْصَرَفُوا صَرَفَ اللَّهِ قُلُوبَهُمْ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ

Maksudnya: Kemudian mereka berpaling (keluar). Allah SWT memalingkan hati mereka, kerana mereka kaum yang tidak mengerti.

(Surah al-Tawbah, 9:127 )

4. Keras Hati

Firman Allah SWT :

﴿٢٢﴾ فَوَيْلٌ لِلْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ مِّنْ ذِكْرِ اللَّهِ

Maksudnya: Maka celakalah bagi orang yang keras hatinya dari mengingati Allah SWT.

(Surah al-Zumar, 39:22 )

5. Hati Mati

Firman Allah SWT :

﴿٦﴾ إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمَوْتَى يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ

Maksudnya: Sesungguhnya yang memperkenankan (seruan kamu) hanya orang-orang yang mendengar. Tetapi orang-orang yang mati (hatinya) nanti Allah SWT akan membangkitkannya.

(Surah al-An'am, 6:36)

6. Hati Berkarat

Firman Allah SWT :

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: Sekali-kali tidak, tetapi telah berkarat hati mereka, kerana dosa yang telah mereka usahakan.

(Surah al-Mutaffifin, 83:14)

7. Penyakit Hati

Firman Allah SWT :

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ ﴿١٠﴾

Maksudnya: Di dalam hati mereka ada penyakit (syak wasangka)

(Surah al-Baqarah, 2 :10)

8. Sempit Dada

Firman Allah SWT :

وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ، تَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah SWT akan menyesatkannya, Dia jadikan dadanya sempit dan sesak.

(Surah al-An'am, 6:125)

## 9. Dimateri

Firman Allah SWT :

فَطُبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٦٣﴾

Maksudnya: lalu dimateri mata hati mereka, sehingga mereka tidak mengerti.

(Surah al-Munafiqun, 63:3)

## 10. Dicap

Firman Allah SWT :

خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ ﴿٧﴾

Maksudnya: Allah SWT telah memohor hati mereka

(Surah al-Baqarah, 2: 7)

Dalam bahagian seterusnya, penulis akan menerangkan mengenai golongan kafir menurut al-Qur'an.

### 1.7 Golongan Kafir Menurut Al-Qur'an

Terdapat beberapa golongan yang dikategorikan kafir. Golongan tersebut adalah, ahli kitab, *al-Sabiah*, Majusi, Musyrik dan *Dahriyyun*.<sup>65</sup>

---

<sup>65</sup> 'Abd al-Karim Zaidan (Dr)(1988), *Ahkam al-Dhimmiyyin Wa al-Mustakminin Fi Dar Islam*, Beirut: Muassasah al-Risalah, c.2, h. 11-15.



### 1.7.1 Ahli Kitab

Al-Jassas berpendapat ahli kitab ialah daripada golongan Yahudi dan Nasrani. Mereka berpendapat demikian berdasarkan firman Allah SWT :<sup>66</sup>

أَنْ تَقُولُوا إِنَّمَا أُنزِلَ الْكِتَابُ عَلَيَّ طَائِفَتَيْنِ مِنْ قَبْلِنَا وَإِنْ كُنَّا عَنْ دِرَاسَتِهِمْ

لَغَافِلِينَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: (Kami turunkan Kitab itu), supaya jangan kamu berkata: Sesungguhnya Kitab itu hanya diturunkan kepada dua golongan manusia sebelum kami (Yahudi, Nasrani) dan sesungguhnya kami lengah (tidak mahu) mempelajarinya.

(Surah al-An‘am, 6 :156)

Menurut al-Jassas, agama Yahudi dan Nasrani dikatakan bukan agama yang benar berdasarkan beberapa kenyataan:<sup>67</sup> Pertama, mereka tidak mentaati perintah Allah SWT kerana mendustai kerasulan Nabi Muhammad SAW. Kedua, mereka mengakui beriman dengan Taurat dan Injil, sedangkan di dalam Taurat dan Injil disebut kenabian Rasulullah SAW, perintah beriman dan mengikuti hukum syara’ yang terdapat di dalamnya, akan tetapi mereka tidak beramal dengannya bahkan mengingkarinya. Ketiga, hukum syariat yang terdapat dalam kedua-dua kitab tersebut telah *dimansukh*, dan jika beramal dengannya selepas *dimansukh* adalah sesuatu yang sesat. Keempat, mereka telah mengubah dan memutar belitkan makna asal kandungan kitab Taurat dan Injil agar bersesuaian dengan nafsu dan keinginan mereka.

<sup>66</sup> Ahmad bin ‘Ali al-Rāzi al-Jassas (t.t), *Ahkām al-Qur’an*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j.3, h.118.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h.118.

### 1.7.2 *Al-Sabiah*

Para *fuqaha'* berselisih pendapat dalam menentukan siapakah golongan *al-Sabiah*. Abu Hanifah mengatakan mereka adalah golongan ahli kitab manakala Abu Yusuf dan Muhammad mengatakan sebaliknya. Menurut Abu Hasan al-Karakhi, golongan *al-Sabiah* yang dikatakan ahli kitab oleh Abu Hanifah ialah mereka yang berpegang dengan agama yang dibawa oleh Nabi 'Isa a.s dan mereka membaca Injil. Manakala golongan yang menyembah bintang-bintang, maka mereka bukan dalam kalangan ahli kitab. Diriwayatkan daripada Imam Ahmad bin Hanbal bahawa mereka adalah dalam kalangan Nasrani dan ada diriwayatkan bahawa mereka dalam kalangan orang Yahudi. Diriwayatkan daripada Hassan al-Basri bahawa kedudukan mereka sama seperti orang Majusi. Menurut Imam al-Auzai' dan Imam Malik, mereka adalah golongan musyrik di antara Yahudi dan Nasrani yang tidak mempunyai apa-apa kitab.<sup>68</sup> Kesimpulannya, para *fuqaha'* berselisih pendapat tentang golongan ini kerana hakikat sebenar pegangan mereka tidak jelas.

### 1.7.3 Majusi

Mereka adalah golongan yang menyembah api serta mendakwa kenabian *Zaradashat*. Mereka terbahagi kepada beberapa golongan, antaranya ialah golongan *Mazdakiyyah* yang berpendapat bahawa mereka mempunyai hak bersama ke atas golongan wanita dan pekerjaan, sebagaimana mereka mempunyai hak bersama untuk mendapatkan air dan udara. Golongan *Kharmiyyah* pula tidak

---

<sup>68</sup> 'Abd al-Karim Zaidan (Dr) (1988), *op.cit.*, c.2, h. 12-13.

mempercayai kewujudan pencipta, hari balasan, kenabian serta hukum halal dan haram. Oleh itu mereka merupakan golongan yang paling dahsyat dalam agama Majusi.<sup>69</sup>

#### 1.7.4 Musyrik

Golongan ini mengakui Allah SWT, tetapi mereka tidak mengesakanNya dalam ibadat, bahkan mensyirikkan Allah dengan yang lain. Sebagai contoh, antara manusia yang termasuk dalam golongan ini ialah golongan yang menyembah berhala dalam kalangan orang Arab dan golongan yang menyembah matahari atau malaikat.<sup>70</sup>

Semua golongan yang disebut di atas disimpulkan di dalam satu firman Allah SWT :

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئِينَ وَالنَّصَارَى وَالْمَجُوسَ وَالَّذِينَ  
أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ



Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Sabiin, (menyembah bintang), orang-orang Nasrani, orang-orang Majusi dan orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah SWT akan menghukum diantara mereka pada hari kiamat. Sesungguhnya Allah SWT menjadi saksi atas setiap sesuatu.

(Surah al-Hajj, 22:17)

<sup>69</sup> *Ibid.*, h.14.

<sup>70</sup> *Ibid.*, h.15. Lihat juga Ibn 'Abidin (t.t), *Rad al-Muhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar 'ala Mutn Tanwir al-Absar*, j.3, h.396.

### 1.7.5 Dahriyyun

Golongan ini mengingkari kewujudan Tuhan, mereka menyatakan bahawa tiada Tuhan dan tiada pencipta alam ini. Semua ini terjadi tanpa pencipta.<sup>71</sup>

Golongan ini juga tidak mempercayai dengan hari kiamat kerana menurut mereka, masa akan berkekalan.<sup>72</sup>

Allah SWT menjelaskan kewujudan mereka dalam firmanNya:

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَا إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُم  
بِذَلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: Dan mereka berkata: hidup ini tidak lain, hanya hidup kita di dunia, setengah) kita mati dan (setengah) kita hidup dan tiadalah yang mematikan kita, kecuali masa (pertukaran malam dan siang). Padahal tiada bagi mereka pengetahuan tentang itu, mereka tidak lain hanya menyangka sahaja.

(Surah al-Jathiah, 45 :24 )

## 1.8 Kesimpulan

Kalimah *jazā'* menurut al-Qur'an membawa maksud yang tersendiri, ia di sebut dengan berbagai *sighah* yang boleh ditafsirkan sebagai balasan baik, balasan buruk dan sesuai untuk balasan kedua-duanya. Kaum yang ingkar yang dimaksudkan di sini ialah golongan kafir yang terdiri daripada ahli kitab, *al-Sabiah*, Majusi, Musyrik dan *Dahriyyun*.

<sup>71</sup> *Ibid*, h.15 Lihat juga Jamal al-Din Abi al-Farj' Abd al-Rahman Ibn al-Jauzi, *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.45.

<sup>72</sup> Hj. Uthman b. Hj. Khalid (2006), *op.cit.*, c.1, h.784.

## BAB DUA

### KAUM YANG INKAR MENURUT SURAH ALI 'IMRAN

#### 2.1 Pengenalan

Surah Ali 'Imran mengandungi 200 ayat dan surah ini menceritakan banyak perkara yang boleh dijadikan pedoman dan pengajaran kepada manusia. Hampir separuh dari surah ini mengisahkan tentang ahli kitab yang terdiri dari kaum Nasrani yang sentiasa menimbulkan keraguan tentang agama Islam, al-Qur'an dan Nabi Muhammad SAW. Mereka turut berdebat tentang *al-Masih*, 'Isa AS yang dianggap sebagai tuhan dan mereka mendustai risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan seterusnya mengingkari kebenaran kitab suci al-Qur'an.

Surah Ali 'Imran juga menceritakan mengenai Perang Badar dan Perang Uhud, serta pengajaran yang boleh diambil oleh orang-orang mukmin kerana kekalahan mereka dalam Perang Uhud, Walau bagaimanapun terdapat hikmah di sebalik kekalahan tersebut, Allah SWT ingin memberi pengajaran supaya orang-orang mukmin menjauhkan diri dari penyakit hati dan mereka dapat membezakan di antara perkara yang hak dan batil.<sup>73</sup>

---

<sup>73</sup> Muhammad 'Ali al-Sabuni (t.t), *Safwat al-Tafasir*, Kaherah :Dar al-Sabuni, j.1, h.182

## 2.2 KaumYang Ingkar Dalam Surah Ali ‘Imran

Penulis mengkategorikan kaum yang ingkar dalam surah Ali ‘Imran kepada dua golongan, yaitu ahli kitab (golongan Yahudi dan Nasrani) dan pejuang Islam yang ingkar arahan Rasulullah SAW dalam Perang Uhud. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih menjurus kepada golongan ahli kitab yang paling banyak menimbulkan masalah serta gemar menimbulkan keraguan mengenai agama Islam.

### 2.2.1 Ahli Kitab

Menurut jumhur ulama’, mereka terdiri daripada golongan Yahudi dan Nasrani. Al-Qur’an menjelaskan bahawa ahli kitab ini terbahagi kepada dua iaitu yang beriman dan yang kufur. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya :

﴿ لَيْسُوا سَوَاءً ۚ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتَّبِعُونَ آيَاتِ اللَّهِ ءِأَنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَٰئِكَ مِنَ الصَّٰلِحِينَ ﴿١١٤﴾ وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَن يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾ ﴾

Makudnya: Mereka itu tidak sama, di antara ahli kitab ada segolongan yang lurus, mereka membaca ayat-ayat Allah SWT di waktu malam sedang mereka sujud. Mereka beriman kepada Allah SWT dan hari kemudian dan mereka menyeru kepada kebaikan dan mereka mencegah kemungkaran dan mereka segera mengerjakan kebaikan dan mereka termasuk dikalangan orang-orang salih dan apa saja kebaikan yang mereka kerjakan, nescaya tidaklah dikurangkan pahalanya dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang bertaqwa.

(Surah Ali ‘Imran, 3:113-115)

Al-Qur'an menjelaskan pelbagai sikap keji yang dimiliki oleh golongan ini antaranya:

a. Dakwaan Ahli Kitab Bahawa Nabi 'Isa AS Mati Disalib

Firman Allah SWT:

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ<sup>ط</sup> وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ ﴿٥٥﴾ إِذْ قَالَ اللَّهُ يٰعِيسَىٰ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ وَمُطَهِّرُكَ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَجَاعِلُ الَّذِينَ اتَّبَعُوكَ فَوْقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ<sup>ط</sup> ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأَحْكُمُ بَيْنَكُمْ فِيمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan mereka itu menipu Allah SWT dan Allah SWT menipu mereka pula (membalas tipuannya) dan Allah sebaik-baik (membalas) orang yang menipu. (Ingatlah) ketika Allah SWT berfirman: Ya Isa sesungguhnya Aku wafatkan engkau dan mengangkat engkau kepadaKu dan menyucikan engkau dari orang-orang kafir dan menjadikan orang-orang yang mengikutmu berada di atas mereka yang kafir, sampai hari kiamat. Kemudian tempat kembalimu kepadaKu, lalu Aku menghukumkan antara kamu tentang apa yang kamu perselisihkan.

(Surah Ali 'Imran, 3 : 54-55 )

Allah SWT memaklumkan tentang perancangan jahat sekumpulan Bani Israil untuk membunuh Isa a.s. Mereka membuat tuduhan palsu terhadap baginda, lalu mengemukakannya kepada raja pada zaman itu. Raja tersebut adalah orang kafir. Mereka mengatakan: “ Di sini terdapat seorang yang menyesatkan manusia dan menghalang orang ramai taat kepada raja, dia melakukan kerosakan, memecah-belahkan hubungan antara anak dan ayah”. Kemudian mereka melakukan tipu daya untuk membunuh baginda. Bagaimanapun Allah SWT membatalkan dan merosakkan perancangan jahat mereka. Allah SWT mengutus malaikat bagi menggantikan penangkapan baginda, juga untuk di salib dan dikenakan seksaan. Apabila mereka mengepung rumah baginda dan

menyangka bahawa mereka dapat menangkapnya, baginda digantikan dengan lelaki lain yang mempunyai wajah serupa. Allah SWT menyelamatkan baginda dan mengangkatnya ke langit.<sup>74</sup>

b. Sikap Ahli Kitab Yang Suka Menyesatkan Umat Islam

Firman Allah SWT:

وَدَّتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: Dan segolongan di antara ahli kitab bercita-cita hendak menyesatkan kamu, dan tidaklah mereka menyesatkan (orang lain) hanya diri mereka sendiri, tetapi mereka tidak sedar.

(Surah Ali 'Imran, 3: 69 )

Sebenarnya golongan Yahudi akur dengan kebenaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, akan tetapi sifat sombong yang dimiliki menyebabkan mereka terus berada di dalam kesesatan. Dalam masa yang sama juga mereka turut berusaha untuk menyesatkan umat Islam yang lain dengan melakukan berbagai cara. Perkara ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya:

وَقَالَتْ طَّائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ ءَامِنُوا بِالَّذِي أُنزِلَ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُوا وَجَهَ النَّهَارِ وَكُفِّرُوا ءَاخِرَهُ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

Maksudnya: Dan berkata satu golongan di antara ahli kitab (kepada temannya): Berimanlah kepada (al-Qur'an) yang diturunkan kepada orang-orang yang beriman pada pagi hari dan kafirlah kamu pada petang harinya, mudah-mudahan orang-orang beriman itu kembali (kepada agama kita)

(Surah Ali 'Imran, 3 :72 )

<sup>74</sup> Wahbah al-Zuhayli ( Dr) (2005), *al-Tafsir al-Munir Fi al-'Aqidah Wa al-Syari'ah Wa al-Manhaj*, Damsyiq: Dar al-Fikr, c.8, j.2, h.261.



Ayat di atas menunjukkan bahawa ketua-ketua dan pendeta-pendeta mereka menyuruh pengikutnya bersikap demikian, iaitu berpura-pura menzahirkan keimanan mereka dengan al-Qur'an.<sup>75</sup>

Menurut Habannakah, tindakan ini dilakukan kerana beberapa tujuan, pertama, untuk memerangkap sebahagian umat Islam. Mereka berharap dengan tindakan mereka yang murtad akan mempengaruhi umat Islam supaya turut murtad. Kedua, bagi menimbulkan suasana tidak tenang dan memecah belahkan perpaduan di kalangan umat Islam serta menghilangkan kekuatan mereka. Ketiga, bertujuan bagi menimbulkan keluh kesah umat Islam, keraguan dan kebingungan dalam fikiran mereka.<sup>76</sup>

Menurut Muhammad Qutb, inilah cara yang digunakan sejak 14 kurun yang lalu dan ia berterusan hingga ke hari ini dalam bentuk yang mungkin agak berbeza. Namun demikian, matlamatnya tetap sama iaitu untuk menimbulkan keraguan dalam kalangan umat Islam.<sup>77</sup> Realiti yang berlaku menyaksikan bahawa golongan Yahudi berpura-pura masuk ke dalam semua agama bagi tujuan menghancurkan kekuatan penganut agama tersebut dan seterusnya menguasai mereka. Keadaan ini berlaku di mana sahaja sama ada di Timur atau di Barat.<sup>78</sup>

---

<sup>75</sup> Mustafa al-Khairi al-Mansuri,(1996), *al-Muqtataf min 'Uyun al-Tafasir*, Kaherah: Dar al-Salam, c.1, j.1, h.337.

<sup>76</sup> 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydani (1992), *Makayid Yahudiyyah Abr al-Tarikh*, Damsyiq: Dar al-Qalam, c.6, h.53.

<sup>77</sup> Muhammad Qutb (1983), *Dirasat Qur'aniyyah*, Beirut : Dar al-Syuruq, c.7, h.351

<sup>78</sup> Taufiq al-Wa'ie (Dr) (1995), *al-Yahud Tarikh Ifsad wa inhilal wa Dimar*, Beirut: Dar Ibn Hazm, c.1, h.138.

Firman Allah SWT :

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ مَن ءَامَنَ تَبِعُونَهَا عِوَجًا  
وَأَنتُمْ شُهَدَاءُ ۗ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ ۗ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: Katakanlah: Wahai ahli kitab, mengapakah kamu menghalang orang yang beriman dari jalan (agama) Allah SWT, kamu menghendaki jalan yang bengkok, sedang kamu mengetahui? Dan Allah tidak lalai dari apa yang kamu lakukan.

(Surah Ali 'Imran, 3:99 )

Ayat di atas merupakan amaran keras dari Allah SWT kepada golongan yang kafir dalam kalangan ahli kitab kerana keegangan mereka menerima kebenaran, kufur dengan ayat-ayat Allah SWT dan perbuatan menghalang orang beriman dari jalan Allah SWT dengan sedaya upaya, sedangkan mereka mengetahui bahawa apa yang dibawa oleh Rasul adalah benar daripada Allah SWT.<sup>79</sup>

Golongan ahli kitab juga tidak akan berhenti daripada menyusahkan orang-orang Islam, mereka akan cuba dari segenap sudut kerana sifat dengki mereka terhadap Islam yang tidak pernah luput. Allah SWT menjelaskan perkara ini melalui firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بَطَانَةً مِّن دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا  
عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ الْبَغْضَاءُ مِن أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ ۗ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengambil penyimpan rahsiamu selain dari kalanganmu, mereka itu tidak berhenti untuk membinasakanmu, mereka bercita-cita hendak memberi kemudahan kepadamu. Sesungguhnya telah jelas (perkataan) kebencian dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar (kejahatannya)

(Surah Ali 'Imran, 3 :118 )

<sup>79</sup> Ibn Kathir (2002), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, al-Kaherah: Dar al-Hadith, j.2, h.93.

c. Sifat Kepura-puraan Golongan Yahudi

Allah SWT melarang orang-orang beriman dari mengambil golongan Yahudi sebagai sahabat kerana mereka suka berpura-pura kerana ingin memperdaya orang Islam. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali (pemimpin) dengan meninggalkan orang-orang mukmin.

(Surah Ali 'Imran, 3 :28 )

Ibn 'Abbas meriwayatkan, "Ayat ini diturunkan kepada 'Ubadah bin al-Samit al-Ansari yang bersekutu dengan orang Yahudi, ketika Rasulullah SAW keluar menuju Perang Ahzab, 'Ubadah berkata: Wahai Rasulullah, bersamaku terdapat 500 orang di kalangan Yahudi, Aku melihat mereka keluar bersamaku, maka bolehkah mereka turut serta untuk mengalahkan musuh. Maka Allah SWT menurunkan ayat tersebut.<sup>80</sup>

d. Sifat Dengki Golongan Ahli Kitab

Golongan ahli kitab tidak akan berhenti daripada menyusahkan orang-orang Islam, mereka akan cuba dari segenap sudut kerana sifat dengki yang bersarang di dalam hati mereka terhadap Islam yang tidak pernah luput.

<sup>80</sup> Abi al-Hasan 'Ali bin Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Wahidi (2005), *Asbab Nuzul al-Qur'an*, Riyad: Dar al-Mimam, c.1, h. 224.

Golongan Yahudi merupakan sebahagian dari golongan *kuffar* yang tetap memiliki sikap buruk yang perlu diawasi oleh umat Islam, iaitu sikap hipokrit dan ia amat merbahaya kerana boleh memecah-belahkan perpaduan umat Islam. Sekiranya mereka tidak sabar sudah tentu akan berlaku pergaduhan serta permusuhan. Allah SWT merakamkan sikap mereka menerusi firmanNya:

هَاتَانْتُمْ أَوْلَاءِ حُبُّوهُمْ وَلَا تُحِبُّونَكُمْ وَتُؤْمِنُونَ بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا لَقُوكُمْ  
 قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا عَضُّوا عَلَيْكُمُ الْأَنَامِلَ مِنَ الْغَيْظِ قُلْ مُوتُوا بِغَيْظِكُمْ  
 إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١١٩﴾

Maksudnya: Wahai Kamu, orang yang mengasihi mereka, sedangkan mereka tidak mengasihimu dan kamu beriman kepada Allah SWT seluruhnya. Apabila mereka menemuimu, mereka berkata: kami telah beriman, tetapi apabila mereka seorang diri, mereka menggigit hujung jarinya, kerana marah kepadamu, Katakanlah (kepada mereka): Matilah kamu bersama kemarahanmu itu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang ada di dalam dada.

(Surah Ali ‘Imran, 3 :119)

Golongan Yahudi melakukan pendustaan dalam setiap lapangan kehidupan. Mereka berdusta kepada Allah SWT, nabi-nabi, orang yang soleh, dan umat yang lain. Apa yang menghairankan ialah mereka menjadikan pendustaan sebagai sebahagian daripada agama, aqidah dan ibadat serta mendakwa ia merupakan salah satu cara mendekati diri kepada tuhan. Mereka berdusta dalam sudut aqidah, politik, ekonomi, sosial, akhlak, bidang ilmu, dan kemanusiaan malah terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira kawan ataupun lawan.<sup>81</sup>

<sup>81</sup> Salah ‘Abd al-Fattah al-Khalidi (Dr)(1998), *al-Syakhsyiyah al-Yahudiyyah min Khilal al-Qur’an*, Damsyiq: Dar al-Qalam, c.1, h.196.

Allah SWT mendedahkan pendustaan kaum Yahudi di dalam firmanNya :

﴿ وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ  
بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ  
عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

Maksudnya: Dan di antara ahli kitab, ada orang yang jika engkau mempercayainya dengan harta yang banyak, nescaya dikembalikannya kepadamu dan setengah mereka yang jika kamu percayainya dengan satu dinar, nescaya tidak dibayarkannya kepadamu, kecuali jika kamu selalu berdiri (menuntutnya). Demikian itu sebab mereka berkata: tidak berdosa kita terhadap orang-orang ummi (yang tidak seagama dengan kita). Dan mereka berkata dusta terhadap Allah SWT, sedangkan mereka mengetahui.

(Surah Ali 'Imran, 3 :75 )

Dalam ayat di atas, mereka mengkhianati golongan selain Yahudi yang dikatakan sebagai *ummi*<sup>82</sup>. Golongan Yahudi turut melakukan pendustaan terhadap Allah SWT dengan mengubah dan meminda kandungan Taurat, lalu mengatakan bahawa ia daripada Allah SWT. Firman Allah SWT :

﴿ وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلُونِ الْأَسْنَنَ بِالْكِتَابِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا  
هُوَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ  
وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: Dan di antara mereka, benar-benar ada satu golongan yang memutarbelitkan lidahnya dengan (membaca) Kitab, supaya kamu menyangka, bahawa ia dari Kitab, padahal bukanlah ia dari kitab, dan mereka berkata: Ia dari sisi Allah SWT, padahal bukan dari sisi Allah SWT dan mereka berkata dusta terhadap Allah SWT sedang mereka mengetahui.

(Surah Ali 'Imran, 3:78 )

<sup>82</sup> Kaum Yahudi menyebut orang Arab sebagai ummi iaitu yang tidak mempunyai kitab. Ini kerana mereka menganggap mereka adalah ahli kitab yang sebenarnya, manakala kitab-kitab yang lain adalah dusta. Lihat Muhammad Qutb (1983), *op.cit.*, h.353.

Menurut Ibn ‘Abbas, mereka ialah golongan Yahudi yang bertemu Ka‘ab bin al-Ashraf lalu mengubah kandungan Taurat yang menyebut sifat-sifat Nabi Muhammad SAW. Sehubungan itu terdapat dalam kalangan mereka (Bani Quraizah) yang mengambilnya dan mencampurkannya dengan kandungan Taurat yang lain.<sup>83</sup> Mereka turut berdusta terhadap Nabi Muhammad SAW ketika mana baginda menyampaikan dakwah Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ عٰهَدَ اِلَيْنَا اَلَّا نُوْمِنَ لِرَسُوْلٍ حَتّٰى يَأْتِيَنَا بِقُرْاٰنٍ  
تَّاْكُلُهٗ النَّارُ ۗ

Maksudnya: Orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah SWT telah memerintahkan kepada Kami, bahawa kami tidak akan beriman kepada rasul sehinggalah rasul itu mendatangkan kepada kami korban yang dimakan api.

(Surah Ali ‘Imran, 3 :183 )

Menurut Ibn Abbas r.a, ayat ini diturunkan kepada Ka‘ab bin al-Ashraf, Malik bin al-Saif, dan Finhas bin ‘Azura’ dan beberapa kelompok yang lain datang menghadap Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Muhammad, kamu mendakwa bahawa kamu adalah Rasulullah dan bahawa Allah SWT telah mewahyukan kepada kamu sebuah kitab, padahal Allah SWT menjanjikan kepada kami di dalam kitab Taurat supaya jangan kami beriman kepada seseorang rasul sehingga dia membawa korban yang di makan api, dan api itu mempunyai suara mendesis ketika turun dari langit. Jika kamu dapat mendatangkannya, maka kami akan membenarkan engkau”, kerana itulah diturunkan ayat ini.<sup>84</sup>

<sup>83</sup> Mahmud bin ‘Umar al-Zamakhshari (t.t), *al-Kasshaf ‘An Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*, j.1, h.377.

<sup>84</sup> Ahmad Mustafa al-Maraghi,(t.t), *op.cit.*, h.149.

Sifat dengki amat ketara di jiwa orang Yahudi. Apabila kaum muslimin mendapat kebaikan, kemajuan dan kejayaan sedikit sahaja dalam bidang apa pun, maka mereka tidak akan rela. Akan tetapi sebaliknya, mereka puas dan lega apabila melihat kaum muslimin ditimpa kemiskinan, kejumudan dan perpecahan.<sup>85</sup>

e. Golongan Yahudi Ingkar Dengan Ayat Allah SWT Dan Membunuh Nabi Allah.

Golongan ini sememangnya terkenal dengan sikap mereka yang ingkar dengan arahan Allah SWT dan berusaha untuk membunuh utusan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا نَجَبًا مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا  
بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ  
بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya: Mereka ditimpa kehinaan di mana mereka berada, kecuali dengan tali (agama Allah SWT) dan tali perdamaian dari manusia dan mereka itu kembali dengan mendapat kemurkaan dari Allah serta ditimpa kemiskinan. Demikian itu kerana mereka kafir dengan ayat-ayat Allah SWT dan membunuh nabi-nabi tanpa kebenaran, demikian itu kerana mereka menderhaka dan melampaui batas.

(Surah Ali 'Imran, 3 :112 )

<sup>85</sup> Abd al-Rahman al-Dusari (1994), *Orang-orang Munafik Menurut Sorotan al-Qur'an*, Ahmad Hamim (terj.) Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd, c.1, h.79.

Dalam ayat yang lain:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ حَقٍّ  
وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ

الْإِيمِ

Maksudnya : Sesungguhnya orang-orang yang kufur terhadap ayat- ayat Allah SWT, serta membunuh nabi-nabi tanpa kebenaran dan membunuh orang-orang yang menyuruh berlaku adil antara manusia, maka berilah mereka khabar gembira (duka) dengan seksaan yang pedih.

(Surah Ali ‘Imran, 3:21 )

Menurut Ibn Kathir, ayat ini mengandungi penghinaan ke atas golongan ahli kitab yang melakukan kemungkarannya kerana mendustakan ayat-ayat Allah SWT yang disampaikan oleh rasul-rasul tersebut tanpa sebab, melainkan semata-mata kerana rasul-rasul tersebut menyeru kepada kebenaran. Ini semua berpunca dari sifat takabbur dan kedegilan mereka.<sup>86</sup> Kata Abu ‘Abbas al-Mubarrad: Nabi-Nabi telah menemui kaum Bani Israil untuk menyeru mereka supaya beriman dengan Allah SWT tetapi mereka telah membunuh nabi-nabi itu. Selepas itu terdapat orang-orang beriman pula yang menyuruh mereka mengikut ajaran Islam, namun mereka tetap membunuhnya, lalu diturunkan ayat tersebut. Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda: Bani Israil membunuh empat puluh tiga orang nabi dalam satu masa pada awal hari, kemudian membunuh seratus dua belas orang ‘*abid* (pendeta) Bani Israil. Mereka menyuruh melakukan kebaikan dan melarang kemungkarannya, namun mereka semua dibunuh di penghujung hari tersebut.<sup>87</sup> Antara nabi tersebut ialah Hizqiyah, Asy‘iyah bin Amus, Armiyah, Yahya dan Zakariyyah. Mereka dibunuh kerana memberi nasihat

<sup>86</sup> Ibn Kathir (2002), *op.cit.*, h.30.

<sup>87</sup> Al-Zuhayli (Dr) ( 2005 ), *op.cit.*, h.199



supaya meninggalkan kejahatan dan melarang daripada perkara mungkar. Perbuatan membunuh nabi merupakan sebesar-besar perbuatan jenayah.<sup>88</sup>

Golongan Yahudi turut mendakwa membunuh Nabi 'Isa a.s dan mereka berbangga dengan perbuatan itu, namun Allah SWT menafikan dengan firmanNya:

وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ شُبِّهَ لَهُمْ

Maksudnya: Dan bukanlah mereka membunuhnya dan bukan pula menyalibkannya, akan tetapi orang yang diserupakan dengan dia.

(Surah al-Nisa', 4 :157 )

f. Tuduhan Liar Golongan Yahudi Terhadap Allah SWT

Sifat takbur yang sangat melampau golongan Yahudi sehingga mereka menyatakan bahawa mereka lebih kaya dari Allah SWT dan Allah SWT bersifat bakhil, pada masa yang sama mereka mendakwa bahawa mereka adalah para wali Allah SWT.<sup>89</sup> Tuduhan liar mereka dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya:

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَحَنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا وَقَتْلَهُمُ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT telah mendengar perkataan orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah SWT miskin dan kami kaya, nanti kami akan tuliskan perkataan mereka dan perbuatan mereka membunuh nabi-nabi tanpa kebenaran, dan Kami berkata: Rasailah olehmu seksaan yang membakar.

(Surah Ali 'Imran, 3:181 )

<sup>88</sup> Al-Maydani (1992), *op.cit.*, h.29-30 lihat juga Muhammad Sayyid Tantawi (Dr)(1987), *Bantu Isrāil Fi al-Qur'an Wa al-Sunnah*, Kaherah: al-Zāhira' Li al-I'lam al-'Arabiyyah, c.1, h.404-406.

<sup>89</sup> 'Abd Allah al-Tal (t.t), *Khatr al-Yahudiyyah al-'Alamiyyah 'Ala al-Islām wa al-Masihiyah*, Dar al-Qalam, h.62.

g. Menyembunyikan Dan Mengubah Kandungan Injil

Allah SWT telah memeterai perjanjian dengan golongan Nasrani supaya mereka menerangkan kepada manusia kebenaran isi kandungan kitab, kebangkitan Nabi Muhammad SAW dan tidak menyembunyikan sesuatu pun daripadanya. Akan tetapi mereka telah memungkiri perjanjian tersebut kerana semata-mata mengejar habuan dunia yang sementara.<sup>90</sup>

Perkara ini dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ  
فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ وَأَشْتَرُوا بِهِ طَمَعًا قَلِيلًا فَبِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ ﴿١٨٧﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Allah SWT mengambil janji daripada ahli-ahli kitab (iaitu): Hendaklah kamu terangkan kitab kepada manusia dan jangan kamu sembunyikan, lalu mereka lemparkan perjanjian itu ke belakang punggungnya (tidak ditepati) dan mereka menjual perjanjian itu dengan harga yang sedikit, maka amat jahat apa yang mereka jual itu.

(Surah Ali 'Imran, 3:187 )

<sup>90</sup> Muhammad 'Abd al-Salam Muhammad (Dr)(1984), *Dirasat Fi al-Qur'an al-Karim Min al-Tafsir al-Mawdu'i*, Kuwait: Maktabah al-Fallah, c.1, h.266.

## 2.2.2 Pejuang Islam Yang Ingkar Arahan Rasulullah SAW Dalam Perang

### Uhud

Dalam bahagian ini, penulis akan menerangkan mengenai pejuang Islam yang ingkar dengan arahan baginda SAW semasa Perang Uhud.

Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ اللَّهُ وَعْدَهُ إِذْ تَحُسُّونَهُم بِإِذْنِهِ <sup>ط</sup> حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ  
وَتَنَزَعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُم مِّن بَعْدِ مَا أَرْسَلْنَاكُمْ مَا تُحِبُّونَ <sup>ع</sup> مِنْكُمْ مَّن  
يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّن يُرِيدُ الْآخِرَةَ <sup>ح</sup> ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ <sup>ط</sup>  
وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ <sup>ظ</sup> وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT telah menepati janjinya kepadamu, ketika kamu membunuh orang-orang kafir (di Perang Uhud) dengan izinNya, sehingga apabila kamu berputus asa (kalah) dan berbantah-bantah dalam urusanmu dan menderhakai (perintah nabi) setelah Allah SWT memperlihatkan (pertolongan) yang kamu sukai (maka Allah SWT tidak menolongmu). Di antara kamu ada orang yang menghendaki dunia dan ada pula orang yang menghendaki akhirat. Kemudian Allah SWT memalingkan kami dari mereka (menguatkan orang kafir) kerana Dia hendak menguji kamu. Sesungguhnya Allah SWT telah memaafkan dosamu, dan Allah SWT mempunyai kurnia untuk orang-orang beriman.

(Surah Ali 'Imran, 3:152 )

Muhammad bin Ka'ab al-Qurazi berkata: “ Ketika Rasulullah SAW pulang ke Madinah, mereka telah ditimpa musibah sebagaimana yang berlaku dalam Perang Uhud. Para sahabat bertanya: Dari manakah datangnya musibah ini? Sedangkan Allah SWT telah menjanjikan kemenangan kepada kita? Maka turunlah ayat di atas.<sup>91</sup>

<sup>91</sup> Al-Wahidi (2005), *op.cit.*, c.1, h. 255.

Perang Uhud berlaku pada hari Sabtu 15 Syawal tahun ketiga hijrah. Puncaknya adalah kerana orang Arab Quraisy hendak menuntut bela di atas kekalahan mereka di dalam peperangan Badar. Mereka sentiasa membuat persiapan untuk menyerang Rasulullah SAW di Madinah. Apabila sampai masanya, keluarlah mereka bersama 3000 orang tentera perang. Manakala di pihak orang Islam Rasulullah SAW keluar bersama tentera Islam seramai lebih kurang 1000 orang. Di antara mereka hanya 100 orang tentera berbaju besi dengan dua ekor kuda sahaja. Apabila tentera-tentera Islam bersiap sedia untuk bertolak, Rasulullah melihat sekumpulan orang Yahudi bersama ‘Abdullah bin Ubay yang merupakan ketua munafiqin keluar bersama 300 orang pengikutnya, maka tinggallah bilangan tentera Islam 700 orang.

Rasulullah SAW bergerak hingga sampai ke Padang Uhud, di sana mereka membelakangkan Bukit Uhud dan menghadap muka mereka ke arah musyrikin. Rasulullah SAW memilih 50 orang tentera pemanah yang diketuai ‘Abdullah bin Jubayr al-Ansari untuk mengawal di bahagian belakang barisan tentera Islam supaya tidak diserang daripada sebelah belakang. Baginda berpesan kepada pemanah-pemanah itu dengan sabdanya : “Jagalah kamu di sebelah belakang kami, agar musuh tidak dapat menyerang kami daripada sebelah belakang. Serangilah musuh-musuh kamu dengan anak-anak panah, kerana tabiat kuda itu tidak boleh bertahan dengan anak panah. Sesungguhnya kita dalam keadaan menang selagi kamu semua tetap pada tempat-tempat kamu. Ya Allah! Sesungguhnya aku bersaksi kepada engkau tentang mereka”.<sup>92</sup>

---

<sup>92</sup> Mustafa al-Siba’ie (Dr)(1980), *al-Sirah al-Nabawiyah Durus Wa ‘Ibr*, Damsyiq: al-Maktab al-Islami, c.5, h. 87-88.

Beginilah gambaran awal sebelum berlakunya Perang Uhud, Rasulullah SAW dengan penuh semangat memberi keyakinan dan mendoakan bahawa orang-orang Islam akan menang dalam peperangan ini.

Pada peringkat awal peperangan, Allah SWT memberi kemenangan kepada kaum muslimin, ramai di antara musuh-musuhnya yang terbunuh dan yang lainnya melarikan diri dari medan pertempuran. Oleh sebab itu, berebut-rebutlah kaum muslimin mengambil harta-harta rampasan yang ditinggalkan oleh kaum musyrikin. Perbuatan ini dilihat oleh para pemanah yang ditempatkan di sebelah belakang mereka, lalu mereka berkata: “Apa lagi yang kita nak buat, sesungguhnya Allah SWT telah pun memberi kemenangan kepada RasulNya”. Mereka pun mula berfikir untuk meninggalkan tempat yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW supaya dapat sama-sama mengambil harta rampasan tersebut. Apabila melihat keadaan demikian, maka ‘Abdullah bin Jubayr selaku ketua pasukan memperingatkan pesanan Rasulullah SAW, lantas mereka menjawab bahawa peperangan sudah berakhir, tidak perlu lagi mengawal di tempat ini.

Pada masa itu, Khalid bin al-Walid sebagai panglima pasukan musyrikin menyedari bahagian belakang tentera muslimin telah kosong daripada pemanah-pemanah, maka dengan secepat kilat beliau menyerang dari pihak belakang. Tentera musyrikin menyerang habis-habisan, sehingga Rasulullah SAW turut mengalami kecederaan, baginda terkena lemparan batu dan jatuh pengan. Akibatnya, muka, lutut dan bibir bawah baginda luka-luka. Begitu juga dengan tudung kepala pecah, manakala mata rantai baju besinya masuk ke dalam pipi

baginda Rasulullah SAW, tentera Islam yang terkorban seramai 70 orang manakala di pihak musyrikin seramai 23 orang.<sup>93</sup>

Kisah ini menggambarkan bahawa terdapat beberapa orang sahabat yang bertugas sebagai pasukan pemanah telah mengingkari arahan Rasulullah SAW agar tidak meninggalkan tempat mereka sehingga mendapat arahan berikutnya, disebabkan keingkaran tersebut, tentera muslimin mengalami kekalahan dalam Perang Uhud manakala Rasulullah SAW sendiri mengalami kecederaan.

### **2.3 Kesimpulan**

Menurut surah Ali 'Imran, Allah SWT mendedahkan beberapa ciri golongan yang ingkar, iaitu golongan kafir dan ahli kitab. Mereka telah mendustai kebenaran kitab suci al-Qur'an, juga kitab Injil yang diturunkan kepada mereka, dengan sikap angkuh mereka turut mengubah isi kandungan Injil mengikut hawa nafsu mereka. Sifat-sifat mazmumah yang telah sebatikan dalam diri mereka menyebabkan mereka sanggup membunuh para Nabi yang ditugaskan untuk membawa mereka ke jalan yang benar. Sikap kepura-puraan mereka menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan umat Islam. Allah SWT turut memaparkan sikap pejuang Islam dalam Perang Uhud yang tamakkan harta rampasan perang, sebahagian mereka telah mengingkari arahan Baginda Rasulullah SAW agar bertahan di Bukit Uhud, yang akhirnya menyebabkan mereka tewas sehingga Rasulullah SAW sendiri mengalami kecederaan.

---

<sup>93</sup> *Ibid.*, h.89.

## BAB TIGA

### *AL-JAZA'* DALAM SURAH ALI 'IMRAN

#### 3.1 Pengenalan

Pada bab ini, penulis menfokuskan kajian kepada balasan buruk kerana ia mempunyai kesinambungan dari bab dua yang berkisar mengenai kaum yang ingkar menurut surah Ali 'Imran. Setiap perbuatan jahat atau keingkaran pasti akan dibalas oleh Allah SWT. Hukuman Allah SWT bersifat adil. Tidak akan berlaku ketidak adilan atau pilih kasih, perbuatan yang baik akan dibalas dengan kebaikan manakala perbuatan yang jahat dibalas dengan kejahatan, balasan Allah SWT menimpa semua orang sama ada Islam atau kafir, ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا مُّجْزَ بِهِ ۖ وَلَا يَجِدْ لَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: Barangsiapa mengerjakan kejahatan, nescaya akan dibalas dengan kejahatan, sedang dia tidak memperolehi wali dan tidak pula penolong selain Allah.

(Surah al-Nisa', 4 :123 )

Menurut Jumhur, lafaz ayat di atas berlaku umum, sama ada orang kafir atau mukmin, mereka akan dibalas dengan perbuatannya yang buruk.<sup>94</sup>

<sup>94</sup> Al-Qurtubi (2003), *op.cit.*, h.1583.

Firman Allah SWT dalam surah al-Mukmin:

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا ۗ

Maksudnya: Barangsiapa membuat kejahatan, maka tiada dibalas melainkan dengan seumpamanya

(Surah al-Mukmin, 40:40 )

Kejahatan dibalas dengan kejahatan merupakan sunnatullah dalam perbuatan buruk, dan ia pasti berlaku, ini kerana ia merupakan satu kezaliman dan perbuatan zalim amat dilarang walaupun terhadap orang yang melakukan kezaliman.

Dalam bahagian seterusnya, penulis akan menjelaskan mengenai balasan buruk terhadap kaum yang ingkar ini.

### **3.2 Balasan Buruk Terhadap Kaum Yang Ingkar**

Antara balasan buruk yang bakal mereka terima adalah:

- a) Harta Yang Dibelanjakan Oleh Orang Kafir Sia-Sia
- b) Kaum Yahudi Ditimpa Kehinaan
- c) Ahli Kitab Tertipu Dengan Penipuan Mereka
- d) Allah SWT Menangguhkan Siksaan Kepada Ahli Kitab Sebagai *Istidraj*
- e) Kekalahan Dalam Perang Uhud



### 3.2.1 Harta Yang Dibelanjakan Oleh Orang Kafir Sia-Sia

Firman Allah SWT :

مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ  
حَرَثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ فَأَهْلَكَتَهُ<sup>٩٥</sup> وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنَّ أَنفُسَهُمْ

يَظْلِمُونَ ﴿١١٧﴾

Maksudnya : Bandingan harta yang mereka nafkahkan ketika hidup di dunia adalah seperti bandingan angin yang mengandung hawa yang sangat dingin yang menimpa tanaman satu kaum yang menzalimi dirinya sendiri, lalu angin itu membinasakannya. Allah SWT tidak menzalimi mereka, tetapi mereka menzalimi diri mereka sendiri.

(Surah Ali-Imran, 3 :117 )

Perumpamaan dalam ayat tersebut menggambarkan keadaan harta yang dibelanjakan oleh orang kafir tetapi dalam masa yang sama mereka kufur dengan Allah SWT dan mendustai apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Maka ini semua tidak akan memberi manfaat sedikit pun kepada mereka umpama angin sejuk yang bertiup kencang lalu memusnahkan segala hasil tanaman mereka.<sup>95</sup>

<sup>95</sup> Muhammad bin Jarir al-Tabari (1997), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil ay al-Qur'an*, Damsyiq: Dar al-Qalam, c.1, j.2, h.367.

### 3.2.2 Kaum Yahudi Ditimpa Kehinaan

Sikap buruk Yahudi amat keterlaluan, mereka mengingkari ayat-ayat Allah SWT dan membunuh para nabi tanpa sebab,<sup>96</sup> mereka turut melakukan jenayah dengan membunuh golongan yang menyeru ke arah kebenaran,<sup>97</sup> menyebabkan mereka ditimpa kehinaan, ini dijelaskan oleh Allah SWT:

فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِنْ  
نَاصِرِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Adapun orang-orang kafir, maka aku akan seksa mereka dengan seksaan yang keras di dunia dan akhirat dan tiada bagi mereka pembantu-pembantu.

(Surah Ali 'Imran, 3:56 )

Golongan Yahudi yang kufur dengan Nabi 'Isa AS dan melakukan pendustaan terhadapnya maka balasan bagi mereka di dunia berbentuk kehinaan, pembunuhan, penawanan dan penindasan umat. Manakala azab di akhirat nanti api neraka jahannam yang mana tidak ada yang akan menolong dan membantu mereka di sana.<sup>98</sup>

<sup>96</sup> Rujuk bab 2, 2.3.7 Golongan Yahudi ingkar dengan ayat Allah dan membunuh Nabi Allah.

<sup>97</sup> Muhammad Sayyid Tantawi (Dr)(1987), *op.cit.*,h.406

<sup>98</sup> Wahbah al-Zuhaili (Dr) (2005), *op.cit.*, c.8, j.2,h. 263

### 3.2.3 Ahli Kitab Tertipu Dengan Penipuan Mereka

Mereka tidak menyadari bahawa dengan penipuan yang mereka lakukan terhadap umat Islam sebenarnya mereka telah menipu diri mereka sendiri. Mereka juga bersikap acuh tak acuh bahawa iman itu cukup dengan ucapan sahaja, tanpa pengertian yang lebih jauh. Allah SWT telah menafikan keimanan mereka yang berkata, “Kami telah beriman kepada Allah SWT dan hari kemudian”. Ini disebabkan tidak adanya makna keimanan yang sebenarnya dalam hati dan perbuatan mereka kerana pada dasarnya pengakuan iman pada lisan harus diikuti oleh perbuatan bahkan ikhlas sampai ke hati.<sup>99</sup>

Sikap golongan Yahudi yang membuat penipuan terhadap para nabi dan umat Islam yang lainnya, menggambarkan sebenarnya mereka menipu diri mereka sendiri. Mereka mengharapkan para nabi akan terpedaya dengan tipu helah mereka dan umat Islam akan terpengaruh dengan pendustaan mereka, akan tetapi pada akhirnya harapan mereka hampa kerana tipu daya itu berbalik kepada diri mereka dan Allah SWT membalas sikap buruk mereka dengan mendapat kutukan dari Allah SWT, malaikat dan umat Islam seterusnya menerima azab yang pedih dari Allah SWT di akhirat nanti.

---

<sup>99</sup> Abd al-Rahman al-Dusari (1994), *op.cit.*, Ahmad Hamim (terj.), c.1, h.5.

### 3.2.4 Allah SWT Menangguhkan Siksaan Kepada Ahli Kitab Sebagai *Istidraj*

Maksud *istidraj* secara etimologi ialah mendekati kepadanya sedikit demi sedikit maka ia pun mendekat<sup>100</sup> perkataan ( سندرجهم ) bermaksud kami mengambil setingkat demi setingkat iaitu kami mendekati mereka pada sesuatu sedikit demi sedikit seperti orang yang menaiki tangga dalam keadaan naik dan turun.<sup>101</sup> Dalam *al-Mu'jam al-Wasit*, ayat *Istadrajuhullahu al-'Abd* ( استدرجه الله ) (العبد) iaitu menangguhkan dan tidak bertindak secara langsung.<sup>102</sup> Syeikh Abdullah al-Talidi menjelaskan maksud *Istidraj* iaitu siksa dari Allah SWT secara perlahan-lahan atau secara halus. Orang yang diberi *istidraj* seolah-olah mendapat nikmat dan kasih sayang daripada Allah SWT tetapi sebenarnya nikmat itu bertujuan membinasakannya.<sup>103</sup>

Biasanya orang yang mendapat *istidraj* ini menyangka bahawa segala nikmat yang diperolehi membuktikan mereka hampir kepada Allah SWT dan Allah SWT menyayangi mereka. Pemberian Allah SWT tersebut menyebabkan mereka semakin jauh dari Allah SWT dan semakin banyak dosa yang dilakukan.<sup>104</sup>

---

<sup>100</sup> Ibn Manzur (1999), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, j.4, h.320.

<sup>101</sup> Al-Raghib al-Asfahani (2006), *Mu'jam Mufradat Alfaz al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr, h.128.

<sup>102</sup> Ibrahim Mustafa et.al (1972), *al-Mu'jam al-Wasit*, Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah, j.1, h.77.

<sup>103</sup> Sheikh 'Abdullah al-Talidi (2001), *Sebab-sebab Kehancuran Umat Dan Bala Yang Ditimpakan Kepada Orang-Orang Jahat*, Shahrin Nasution (Drs.) (terj.) c.1, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h.33.

<sup>104</sup> *Ibid.*, h.35.

Ini merupakan satu penghinaan dan penipuan dari Allah SWT. Allah SWT menanggukkan seksaan ke atas mereka dalam kedurhakaan, ini supaya mereka menambahkan kejahatan atau dengan menambah umur, agar mereka terus menerus menambah kejahatan. Sesungguhnya kejahatan dapat menarik kepada kejahatan yang lain, sehingga akan menjauhkan pelakunya dari petunjuk.<sup>105</sup>

Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمَلِّهُمْ حَيْرٌ لِّأَنفُسِهِمْ ۚ إِنَّمَا نُمَلِّهُمْ  
لِيَزِدَّادُوا إِثْمًا ۚ وَهُمْ وَعَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿١٧٨﴾

Maksudnya: “ Dan janganlah sekali-kali orang kafir itu menyangka bahawa pemberian tangguh Kami kepada mereka adalah baik bagi mereka. Sesungguhnya Kami memberi tangguh kepada mereka hanyalah supaya bertambah-tambah dosa mereka dan bagi mereka azab yang menghinakan”

(Surah Ali ‘Imran, 3 :178 )

Ayat di atas memperlihatkan musuh-musuh Allah SWT dan musuh kepada kebenaran dibiarkan tanpa menerima azab dari Allah SWT, mereka terus menikmati kekuatan, kekuasaan, kekayaan dan pangkat. Ini menyebabkan orang-orang yang lemah imannya membuat sangkaan buruk terhadap Allah SWT seperti sangkaan orang jahiliah. Mereka menyangka Allah SWT reda dengan kebatilan, kejahatan, kekufuran dan kezaliman. Sangkaan ini semua tidak benar, Allah SWT memberi amaran kepada orang kafir agar tidak membuat sangkaan sedemikian. Allah SWT memberi kenikmatan di dunia untuk mereka menikmati dan berseronok dengannya merupakan ujian dari Allah SWT dan ia adalah tipu daya Allah SWT yang sangat halus. Itulah *istidraj* yang amat jauh.<sup>106</sup>

<sup>105</sup> *Ibid.*, h.17.

<sup>106</sup> Sayyid Qutb (1982), *op.cit.*, c.10, j.1, h. 524.

Daripada ‘Uqbah bin ‘Amir Rasulullah SAW bersabda: <sup>107</sup>

رَأَيْتُمُ اللَّيْلَ عَظُمِي بِدَمِيٍّ وَجَهْمٍ مَوْتِمْ مَعِي صِدْقٌ يَهْفُ بِأَنْدَالِكُمُ اللَّهُ تَبَاهُ رَاجٌ

Maksudnya: “Kalau engkau melihat Allah SWT memberikan kesenangan dunia kepada orang yang mengerjakan maksiat, maka yakinlah bahawa itu adalah *istidraj*”.

Umat Islam perlu berhati-hati dalam meneruskan kelangsungan hidup di zaman *fahsyah* dan *mungkar*. Nikmat kehidupan yang dikecapi pada hari ini tidak seharusnya membuatkan kita lalai dari melaksanakan perintah Allah SWT. Allah SWT dengan sifat Pemurah dan PenyayangNya tidak putus-putus mengurniakan segala macam nikmat kepada hamba-hambaNya. Ini kerana khazanah Allah SWT tidak akan terusik walaupun sebesar zarah di sebalik kurniaan tersebut. Malahan manusia hendaklah berhati-hati agar tidak tergolong di dalam mereka yang semakin hari semakin jauh dengan Allah SWT.

### 3.2.5 Kekalahan Dalam Perang Uhud

Berikutan tindakan beberapa orang sahabat yang tidak patuh kepada arahan Rasulullah SAW semasa berlakunya Perang Uhud, maka Allah SWT menguji mereka dengan kekalahan. Pada peringkat awal lagi, bilangan tentera Islam seramai 1000 orang telah berkurangan kepada 700 orang, ekoran tindakan sekumpulan orang Yahudi yang diketuai oleh Abdullah bin Ubay menarik diri dari peperangan tersebut.

---

<sup>107</sup> Abi al-Qasim Sulayman bin Ahmad al-Tabarani (1980), *al-Mu'jam al-Kabir*, ('Uqbah bin Muslim 'An 'Uqbah bin 'Amir), no.913, j.17, Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, h.330-331.

Apabila sampai di Medan Uhud, Rasulullah SAW dengan kebijaksanaan dan kepakarannya dalam menyusun strategi peperangan mula menyusun pasukan tentera kepada beberapa bahagian, antara bahagian terpenting sebagai tulang belakang kepada tentera Islam ialah pasukan tentera pemanah yang diketuai oleh ‘Abdullah bin Jubayr al-Ansari, mereka diletakkan di atas Bukit Uhud. Ketika itu Rasulullah SAW berpesan kepada para sahabatnya agar tidak meninggalkan tempat tersebut sambil mendoakan kejayaan kaum muslimin dalam peperangan tersebut.

Peperangan berjalan dengan lancar dan cahaya kemenangan mula berpihak kepada kaum muslimin, ramai pihak musuh yang terbunuh dan yang lain melarikan diri. Keadaan ini menyebabkan tentera Islam mula mengambil harta rampasan yang ditinggalkan oleh kaum musyrikin, perbuatan ini diperhati oleh pasukan pemanah yang diletakkan di atas Bukit Uhud, lantas mereka mula bergerak meninggalkan tempat tersebut untuk sama-sama mengambil harta rampasan tersebut. ‘Abdullah bin Jubayr selaku ketua melarang tindakan mereka, akan tetapi ianya tidak mendatangkan hasil kerana mereka menyatakan peperangan telah berakhir dan tidak perlu lagi mengawal tempat tersebut.

Pada ketika itu Khalid bin al-Walid sebagai panglima kaum musyrikin mendapati Uhud telah kosong, maka peluang ini digunakan untuk menyerang kaum muslimin habis-habisan, keadaan menjadi huru hara, menyebabkan seramai 70 orang tentera muslimin syahid manakala Rasulullah SAW mengalami cedera parah. Peristiwa kekalahan ini menimbulkan perasaan dukacita dikalangan sahabat kerana mereka yakin dengan pertolongan Allah SWT seperti Perang Badar.<sup>108</sup>

---

<sup>108</sup> Rujuk bab dua, 2.4 Pejuang Islam yang ingkar arahan Baginda dalam Perang Uhud, h. 72-74.

Perasaan dukacita dan kekalahan yang dialami oleh sahabat dan Rasulullah SAW, merupakan *jaza'* Allah SWT ke atas orang-orang beriman.

### **3.3 Kesimpulan**

Allah SWT membalas perbuatan golongan yang ingkar dengan berbagai-bagai cara, di dunia mereka akan ditimpa kehinaan serta dibiarkan berterusan di dalam perbuatan mungkar. Allah SWT sengaja membiarkan mereka hidup di dalam kesenangan dan kemewahan yang melalaikan sehingga sampai satu masa yang ditetapkan, maka Allah SWT akan membalas perbuatan mereka dengan azab sengsara. Di akhirat nanti segala kebaikan yang dilakukan seperti membelanjakan harta akan dipersiapkan, dan mereka tidak akan mendapat apa-apa ganjaran. Semua ini adalah balasan terhadap penipuan yang mereka lakukan semasa di dunia, hakikatnya penipuan itu berbalik semula kepada mereka yang ingkar. Manakala tentera Islam yang berjuang di dalam Perang Uhud turut menerima balasan dari Allah SWT iaitu tewas dalam Perang tersebut, ini kerana sebahagian dari mereka ingkar terhadap arahan baginda Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun ini merupakan ujian terhadap orang beriman agar mereka sentiasa muhasabah diri dan tahu membezakan antara yang hak dan batil.



## BAB EMPAT

### PERKAITAN *AL-JAZA'* DENGAN PERILAKU KAUM YANG INKAR

#### 4.1 Pengenalan

Allah SWT membinasakan manusia kerana dosa dan maksiat yang dilakukan. *Jaza'* Allah SWT akan menimpa golongan yang ingkar kerana perbuatan mereka yang sepatutnya menerima pembalasan dari Allah SWT. Hukum *sunnatullah* membenarkan setiap orang yang melakukan kemungkaran, dosa dan kezaliman perlu dibalas setimpal dengan perlakuannya. Allah SWT tidak pernah menzalimi hamba-hambaNya, akan tetapi sikap buruk mereka sendiri menjadi penyebab mereka menerima balasan tersebut.

Firman Allah SWT :

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: Dan apa-apa musibah (malapetaka) yang menimpa kamu, maka disebabkan usaha tanganmu sendiri dan dimaafkan Allah SWT kebanyakannya.

(Surah al-Syura, 42 :30 )

Walaupun bagaimanapun sifat pemurah Allah SWT mengatasi segala-segalanya, kerana jika semua kezaliman yang dilakukan oleh manusia akan diberi balasan sudah tentu tidak akan wujud manusia di alam ini kerana banyaknya dosa yang dilakukan manusia.

Islam merupakan agama wahyu yang syumul serta sesuai sepanjang zaman. Ia tidak terikat kepada sesuatu bangsa atau keturunan, malah Islam tidak pernah membezakan setiap hamba Allah SWT dari segi rupa paras, warna kulit serta kekayaan

dan pangkat yang dimiliki. Islam menitikberatkan aspek luaran dan dalaman individu muslim, kepercayaan serta keimanan yang dimiliki mestilah seiring dengan percakapan dan perbuatan zahir. Islam melarang pengikutnya meniru atau menyerupai mana-mana individu samada dari segi akidah yang bersifat dalaman ataupun penampilan luaran. Tegahan ini demi menjaga kebajikan serta kemaslahatan umat Islam.

Allah SWT melarang umat Islam daripada meniru golongan Yahudi dari berbagai aspek kehidupan demi menjaga kemaslahatan dan keharmonian hidup umat Islam. Firman Allah SWT:

وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلُ فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمَدُ فَقَسَتْ  
قُلُوبُهُمْ ۗ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَاسِقُونَ ﴿٥٧﴾

Maksudnya: Dan bahawa mereka tidak seperti orang-orang ahli kitab sebelum mereka, maka telah panjang masa antara mereka dan antara nabinya, lalu menjadi kasar (keras) hati mereka dan kebanyakan mereka itu fasiq.

(Surah al-Hadid, 57: 16 )

Menurut Ibn Kathir, ayat di atas Allah SWT melarang orang-orang mukmin menyerupai golongan ahli kitab dalam semua urusan sama ada *usul* atau *furū'*.<sup>109</sup>

Rasulullah SAW turut berpesan kepada umatnya agar berpegang teguh dengan agama Allah SWT dan jangan sekali-kali kembali kepada kekufuran selepas kewafatan baginda SAW.

<sup>109</sup> Ibn Kathir (2002), *op.cit.*, j.7, h.571.

Kerisauan dan kebimbangan Nabi dapat dilihat melalui sabda baginda:<sup>110</sup>

"لا ترجعوا بعدي كفارا يضرب بعضكم رقاب بعض"

Maksudnya : “Janganlah kamu kembali menjadi kafir selepas ketiadaanku, kamu saling membunuh antara satu sama lain.”

Dalam hadith yang lain Rasulullah SAW turut memperingatkan umat Islam supaya menjauhi cara hidup golongan ahli kitab kerana ia membawa kesan buruk kepada umatnya. Sabda Rasulullah SAW:<sup>111</sup>

( لتتبعن سنن من كان قبلكم شبرا شبر وذراعا ذراع حتى لو دخلوا حجر ضرب  
تبعتموهم ) قلنا يا رسول الله اليهود والنصارى؟ قال (فمن؟)

Maksudnya: “Sesungguhnya kamu benar-benar akan mengikuti cara hidup golongan manusia sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal sehasta demi sehasta, sehingga sekiranya mereka masuk ke dalam lubang biawak, kamu pasti akan mengikuti mereka” Kami bertanya: Adakah mereka itu golongan Yahudi dan Nasrani? Rasulullah SAW menjawab : “ Siapa lagi kalau bukan mereka?”

Setiap orang Islam mempunyai ciri-ciri keperibadian yang khusus dan tersendiri, tidak sepatutnya mereka meniru dan menyerupai cara orang-orang Yahudi atau orang-orang musyrikin, ini kerana ia boleh mendatangkan kesan buruk yang sangat besar.<sup>112</sup>

Berdasarkan dalil-dalil naqli di atas, menunjukkan Islam mempunyai pendirian yang tegas agar setiap umatnya tidak terikut-ikut atau meniru cara hidup orang-orang kafir dan ahli kitab dalam semua aspek kehidupan, kerana dibimbangi akan terseret ke lembah kehinaan. Islam juga telah memberi garis panduan yang cukup jelas melalui al-Qur’an dan Hadith sebagai panduan hidup. Ini semua penting demi menjaga kesucian

<sup>110</sup> Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (2000), *Fath al-Bari Bi Syarh Soheh al-Bukhari*, Kitab al-Fitan, no.7077, Beirut: Dar al-Fikr, c.1, j.14, h.520.

<sup>111</sup> *Ibid.*, j.15, h.235.

<sup>112</sup> ‘Abd Allah bin Nasir bin Muhammad al-Shaqawi (Dr)(1996), *al-Yahud Fi al-Sunnah al-Mutahharah*, Riyad: Dar Tayyibah Li al-Nasyr Wa al-Tauzi’, c.1, j.2, h. 250.

dan kemurnian aqidah umat Islam agar memperoleh kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

#### 4.2 Allah SWT Menangguhkan Siksaan Terhadap Ahli Kitab

Antara perangai buruk golongan kafir ialah melakukan penipuan. Mereka menyangka rancangan penipuan yang dibuat terhadap umat Islam akan berjaya memerangkap musuh mereka, akan tetapi perancangan Allah SWT lebih rapi. Segala usaha untuk memerangkap umat Islam gagal kerana Allah SWT sentiasa memberi perlindungan kepada hamba-hambanya yang beriman. Berbagai-bagai penipuan yang cuba dilakukan oleh golongan kafir terhadap umat Islam, perkara ini dijelaskan di dalam al-Qur'an.

Firman Allah SWT:

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ وَيَمْكُرُونَ  
وَيَمْكُرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: Dan ingatlah (wahai Muhammad) ketika orang-orang kafir musyrik (Mekah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu atau membunuhmu atau mengusirmu, mereka menjalankan tipu daya dan Allah SWT menggagalkan tipudaya (mereka), kerana Allah SWT sebaik-baik yang menggagalkan tipudaya.

(Surah al-Anfal , 8 :30 )

Ayat di atas menjelaskan tipu daya yang cuba dilakukan oleh golongan musyrikin ke atas Nabi Muhammad SAW. Ia berlaku di Dar al-Nadwah, mereka bersepakat untuk membunuh Nabi, lalu mereka mengintai melalui pintu rumah Nabi sepanjang malam

untuk membunuh Nabi sebaik sahaja Nabi keluar, akan tetapi perancangan Allah SWT lebih rapi, Rasulullah menyuruh Saidina Ali menggantikan tempat tidur baginda SAW, lalu baginda berdoa agar golongan musyrikin tidak dapat mengesan jejak langkah baginda. Allah SWT menutup penglihatan mereka lalu baginda keluar dari rumahnya dengan selamat.<sup>113</sup>

Orang-orang yang melakukan penipuan dan mereka yang terlibat dalam rancangan tersebut tidak akan terlepas daripada seksaan Allah SWT. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya:

أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ ۚ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩٩﴾

Maksudnya: Patutkah mereka (bersukaria) sehingga mereka merasa aman akan rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah SWT? Kerana sebenarnya tidak ada yang merasa aman dari rancangan buruk (balasan azab) itu melainkan orang-orang yang rugi.

(Surah al-A'raf , 7 :99 )

Menurut Imam Qurtubi, ayat *أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ* bermaksud azab dan balasanNya ke atas penipuan mereka.<sup>114</sup> Siksaan Allah SWT ke atas mereka yang melakukan tipu daya bukan sekadar di akhirat, akan tetapi di dunia turut menerima balasannya, malah Allah SWT menimpakan azabnya tanpa mereka sedari. Inilah janji-janji Allah SWT kepada mereka yang sentiasa memusuhi Islam.

<sup>113</sup> Al-Qurtubi (2004), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, c.2, j.4, h.252.

<sup>114</sup> Al-Qurtubi (2002), *op.cit.*, j.7, h.221.

Firman Allah SWT:

قَدْ مَكَرَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَأَتَى اللَّهُ بُنْيَانَهُمْ مِنَ الْقَوَاعِدِ فَخَرَّ  
السَّقْفَ عَلَيْهِمْ مِنْ فَوْقِهِمْ وَأَتَتْهُمُ الْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Sebenarnya orang-orang yang terdahulu dari mereka telah menjalankan rancangan jahat (terhadap agama Allah SWT dan RasulNya), maka Allah SWT binasakan bangunan (rancangan jahat) mereka dari asas-asasnya, lalu bumbung (bangunan itu) jatuh menimpa ke atas mereka, dan mereka pula didatangi azab kebinasaan dari arah yang mereka tidak menyedarinya.

(Surah al-Nahl, 16 :26 )

Allah SWT membatalkan rencana dan penipuan mereka, mereka dihancurkan seperti orang yang ditimpa atap rumahnya, ayat وَأَتَتْهُمُ الْعَذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ bermaksud dari jalan yang mereka sangka aman.<sup>115</sup>

Golongan Yahudi yang mengingkari ayat-ayat Allah SWT turut akan menerima azab Allah SWT, akan tetapi Allah SWT sentiasa menanggung azab tersebut sehingga mereka merasa aman dan terlepas dari seksaan. Allah SWT menjelaskan sikap buruk golongan ini melalui firmanNya :

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا سَنَسْتَدْرِجُهُمْ مِنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٢﴾  
وَأَمَلِي لَهُمْ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit (kejurang kebinasaan), menurut cara yang mereka tidak mengetahuinya. Dan Aku memberi tempoh kepada mereka, sesungguhnya rancangan balasanKu amatlah teguh.

(Surah al-A'raf, 7 : 182-183 )

<sup>115</sup> Al-Qurtubi (1999), *op.cit.*, j.9, h.72.

Ayat ini menerangkan kepada kita bahawa golongan yang ingkar ayat-ayat Allah SWT akan dibinasakan oleh Allah SWT secara beransur-ansur atau *istidraj*. Ini menyebabkan mereka merasa aman dan tidak bersalah, menyebabkan mereka terus menerus melakukan dosa demi dosa sehingga akan tiba satu masa Allah SWT menurunkan azabnya dari sumber yang tidak disangka-sangka.

### 4.3 Penghinaan Yang Berterusan Di Dunia Dan Akhirat

Ini bermaksud golongan yang ingkar ini akan menerima kehinaan semasa hidup di dunia lagi dan seterusnya menerima azab Allah SWT di akhirat kelak. Semua ini dipaparkan melalui kitab suci al-Qur'an agar menjadi peringatan kepada hambaNya yang lain. Allah SWT tidak akan membiarkan dunia ini dipenuhi dengan dosa dan maksiat oleh mereka yang ingkar, janji Allah SWT pasti berlaku apabila sampai masanya. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

فَأَخَذَهُ اللَّهُ نَكَالَ الْآخِرَةِ وَالْأُولَى ﴿٢٥﴾ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَعِبْرَةً لِمَنْ تَخَشَّى ﴿٢٦﴾

Maksudnya: Maka Allah SWT menyiksa Firaun di akhirat dan dunia ini, dengan azab yang menakutkan sesiapa yang mengetahuinya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang takut melanggar perintah Tuhannya.

(Surah al-Nazi'at, 79: 25-26 )

Menurut Ibn Kathir, Allah SWT membalas Fir'aun dengan balasan yang setimpal, dan menjadikannya sebagai pelajaran bagi orang-orang yang sombong sepertinya di dunia ini. Yang dimaksudkan dengan ayat نَكَالَ الْآخِرَةِ وَالْأُولَى iaitu azab di dunia dan

azab di akhirat. Ayat 26 pula bermaksud bagi mereka yang mahu mengambil pelajaran dan bagi mereka yang takut.<sup>116</sup>

Perasaan sombong lahir dari sifat mazmumah yang bersarang di hati, bisikan syaitan serta dorongan hawa nafsu sering mengajak manusia melakukan maksiat. Akhlak yang mulia amat penting kerana ia adalah penanda aras yang menentukan sama ada kita mendapat rahmat atau sebaliknya, al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW untuk membawa rahmat ke seluruh alam.

Firman Allah SWT :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Dan tidaklah Kami utuskan kamu ( Muhammad) melainkan untuk memberi rahmat ke seluruh alam.

(Surah al-Anbiya', 21 : 107 )

Perutusan nabi Muhammad SAW antara lain ialah untuk membimbing manusia ke arah kebaikan dengan mempamerkan akhlak-akhlak terpuji. Nabi SAW turut membawa berita gembira dan menceritakan azab sebagai panduan dan peringatan dalam kehidupan. Akan tetapi manusia sering dikalahkan nafsu dan terjebak dalam dosa seperti melakukan kezaliman terhadap orang lain melalui kegiatan mencuri, merompak, membunuh dan seumpamanya, Allah SWT tidak akan membiarkan kezaliman itu berlalu begitu sahaja. Perbuatan seperti ini akan mendapat balasan Allah SWT semasa di dunia lagi.

---

<sup>116</sup> Ibn Kathir (2000), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Kaherah: Al-Faruq al-Hadithah Li al-Taba'ah Wa al-Nasyr, j.14, c.1, h.242.



Satu perkara yang perlu diingat bahawa doa orang yang dizalimi mustajab. Orang seperti ini sudah tentu akan berdoa supaya Allah SWT menurunkan bala kepada orang yang menzaliminya, dan doa orang yang dizalimi akan di dengari oleh Allah SWT. Dalam *Sahih al-Bukhari* melalui riwayat Ibn ‘Abbas, nabi SAW bersabda kepada Mu‘adh bin Jabal ketika mengutusnyanya ke Yaman:<sup>117</sup>

اتق دعوة المظلوم فانها ليس بينها وبين الله حجاب

Maksudnya: Takutilah doa orang yang dizalimi kerana tidak ada hijab di antara doanya dengan Allah SWT.


Hadith ini memberi peringatan agar kita menjauhi sebarang bentuk kezaliman kerana ditakuti doa daripada orang yang dizalimi. Oleh kerana tiada pendinding di antara doa orang yang dizalimi dan Allah SWT, jika dikehendaki Allah SWT maka balasan ke atas orang zalim akan berlaku ketika di dunia lagi.

Rasulullah SAW merupakan rasul terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT sebagai penyempurna kepada sekalian manusia di alam ini. Sesiapa yang mengingkari kerasulan Nabi Muhammad SAW, menunjukkan sifat degil dan keras hati. Mengingkari Nabi Muhammad juga akan menempah kehinaan dalam hidup. Akan tetapi inilah yang selalu dipertikai oleh golongan ahli kitab yang terkenal dengan sifat sombong dan takbur. Mereka selalu memandang hina kepada orang-orang yang beriman.

---

<sup>117</sup> Imam Abi ‘Abd Allah Muhammad Ismail al-Bukhari (2006), *Sahih al-Bukhari*, no. 9, j.1, c.2, Mansurah: Dar Ibn Rajab, h.496.

Allah SWT menyatakan perkara ini menerusi firmanNya :

 زَيْنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَيَسْخَرُونَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا

Maksudnya: Dihiasi kehidupan dunia bagi orang-orang yang kafir dan mereka menghina orang-orang yang beriman.

(Surah al-Baqarah, 2 : 212 )

Ayat di atas ditujukan kepada golongan kafir Quraisy kerana mereka berbangga dengan kedudukan dan kekayaan di dunia ini. Dalam masa yang sama mereka memandang rendah dan menghina pengikut Nabi Muhammad SAW yang lebih mementingkan akhirat dan hidup dalam kemiskinan seperti Bilal, Suhayb, Ibn Mas'ud dan lain-lain.<sup>118</sup>

#### **4.4 Amal Kebajikan Golongan Kafir Dibalas Dengan Kejahatan**

Tidak dinafikan bahawa orang-orang kafir atau golongan ahli kitab turut membelanjakan harta mereka seperti mana yang dilakukan oleh umat Islam. Malahan ada ketikanya harta yang dibelanjakan mereka mengatasi kemampuan orang-orang Islam. Akan tetapi jika wujud perasaan yang tidak baik seperti ingin menunjuk-nunjuk atau berbangga serta ingin dipuji, maka sudah tentu segala harta yang dibelanjakan itu menjadi sia-sia. Inilah yang diumpamakan oleh Allah SWT amalan kebajikan mereka seperti angin sejuk yang akan memusnahkan diri mereka sendiri.

---

<sup>118</sup> Al-Qurtubi (1999), *op.cit.*, j.3, h.24.

Firman Allah SWT :

مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ  
حَرَثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ فَأَهْلَكَتَهُ<sup>ج</sup> وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَٰكِنَّ أَنفُسَهُمْ

يَظْلِمُونَ ﴿١٧٧﴾

Maksudnya : Bandingan harta yang mereka nafkahkan ketika hidup di dunia adalah seperti bandingan angin yang mengandung hawa yang sangat dingin yang menimpa tanaman satu kaum yang menzalimi dirinya sendiri, lalu angin itu membinasakannya. Allah SWT tidak menzalimi mereka, tetapi mereka menzalimi diri mereka sendiri.

(Surah Ali-Imran, 3 :117 )

Ayat di atas menggambarkan kepada kita bahawa, amalan kebaikan yang dilakukan mestilah ikhlas, semata-mata mengharapkan keredaan Allah. Jika sebaliknya, akan merugikan diri sendiri. Dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman :

وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ

مَشْكُورًا ﴿١٧٨﴾

Maksudnya: Dan sesiapa yang mengkehendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya diberi pahala akan amal usahanya.

(Surah al-Isra', 17 :19 )

Ayat ini menerangkan, sesiapa yang mencari kehidupan akhirat dan beramal dengan ketaatan kerana ketaatan seseorang tidak akan diterima melainkan daripada seorang mukmin, maka amalnya itu akan diterima dan tidak akan tertolak.<sup>119</sup>

<sup>119</sup> Al-Qurtubi (2002), *op.cit.*, h.573.

Kesimpulannya, setiap amalan yang dilakukan oleh seseorang dihitung berdasarkan keikhlasan niat dan pelakunya mestilah seorang mukmin yang beriman kepada Allah SWT serta membenarkan apa yang dibawa oleh RasulNya.

#### 4.5 Kebiasaan Menimpa Kaum Yang Zalim

Biasanya manusia akan melakukan kezaliman kerana beberapa faktor antaranya apabila ia memiliki banyak harta dan kekuasaan dalam pemerintahan. Apabila seseorang memiliki banyak harta maka ia akan bermewah-mewah dalam kehidupan dan akhirnya akan menjadi kufur nikmat, manakala seseorang yang mempunyai kuasa pemerintahan pula akan menggunakan kedudukannya untuk menindas dan menzalimi orang bawahannya. Buktinya, al-Qur'an banyak menceritakan kisah Fir'aun yang berakhir dengan kematian yang hina. Allah SWT telah melenyapkan Fir'aun dan pengikutnya yang telah bertindak zalim terhadap rakyatnya. Kemuncak kezalimannya apabila ia membuat pengakuan dirinya Tuhan serta membunuh anak-anak lelaki kerana khatir akan mempengaruhi kuasa pemerintahannya.

Firman Allah SWT :

فَحَشَرَ فَنَادَى ﴿٢٣﴾ فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَى ﴿٢٤﴾

Maksudnya: Kemudian dihimpunkan (rakyatnya) lalu ia berseru. Kemudian dia berkata: “Akulah tuhanmu yang maha tinggi”.

(Surah al-Nazi‘at, 79 :23-24 )

Dalam ayat lain:

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ مُوسَى ﴿١٥﴾ إِذْ نَادَاهُ رَبُّهُ بِالْوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾  
أَذْهَبَ إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَى ﴿١٧﴾

Maksudnya: Adakah sampai kepadamu berita Musa? Ketika dia dipanggil oleh Tuhannya di lembah yang suci Tuwa (di Tur Sina). (Firman Allah): Pergilah engkau kepada Fir'aun, sesungguhnya dia amat durhaka.

(Surah al-Nazi'at, 79 :15-17 )

Menurut Imam al-Razi, terdapat perbezaan pendapat dalam mentafsirkan maksud *إِنَّهُ طَغَى* . Sebahagian mufassir berkata, ia bermaksud Fir'aun takabbur kepada Allah dan mengkufuriNya, dan sebahagian lagi berkata, sesungguhnya Fir'aun takabbur kepada Bani Israil. Menurut Imam al-Razi yang lebih utama ialah kedua-duanya boleh dijadikan tafsirannya. Jadi Fir'aun derhaka kepada Allah dengan mengkufuriNya dan durhaka kepada makhluk dengan menyombong diri kepada mereka dan memperhambakan mereka.<sup>120</sup>

Firman Allah SWT lagi dalam surah al-Qasas:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضِعُّ طَائِفَةً مِّنْهُمْ  
يُذَبِّحُ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيِي نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Fir'aun amat sombong di muka bumi dan menjadikan penduduknya berpecah belah serta memperhambakan segolongan diantara mereka, dia menyembelih anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka, sesungguhnya dia termasuk orang-orang yang membuat kerosakan.

(Surah al-Qasas, 28 : 4 )

<sup>120</sup> Fakhr al-Din Muhammad Ibn Umar Ibn al-Husain Ibnal-Hasan Ibn 'Aliy al-Tamimi al-Bakri al-Razi al-Syafi'e (2000), *al-Tafsir al-Kabir Aw Mafatih al-Ghaib*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.16, c.1, h.37.

Allah SWT telah membalas kezaliman Fir'aun dengan menurunkan beberapa malapetaka agar mereka merasai seksaan di dunia ini sebelum menanggung seksaan abadi di akhirat kelak. Malapetaka yang dihadapi adalah kemarau sehingga tumbuhan semuanya tidak menjadi.<sup>121</sup>

Kisah ini diterangkan di dalam al-Qur'an:

وَلَقَدْ أَخَذْنَا آلَ فِرْعَوْنَ بِالسِّنِينَ بِالنَّاقِصِينَ مِنَ الشَّجَرِ لَعَلَّهُمْ  
يَذَكَّرُونَ ﴿١٣٠﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah seksa keluarga Fir'aun dengan musim kemarau dan kekurangan buah-buahan, mudah-mudahan mereka mendapat peringatan

(Surah al-A'raf, 7 :130 )

Di sini terdapat beberapa persamaan sikap Fir'aun dengan ahli kitab seperti takabbur dan kufur dengan Allah SWT. Peristiwa kehancuran dan kebinasaan kaum terdahulu diceritakan oleh Allah SWT melalui kitab suci al-Qur'an sebagai pengajaran kepada semua golongan manusia, akan tetapi manusia tidak mengambil iktibar darinya. Mereka mengakui adanya Allah, mempercayai akan kerasulan Nabi Muhammad SAW tetapi dalam masa yang sama mengingkari ajaran yang dibawa oleh baginda. Apabila manusia meninggalkan ajaran baginda serta menjauhi sunnahnya, mereka seolah-olah menempah kesusahan dan kemusnahan hidup serta menzalimi diri sendiri dengan mendedahkan kehidupan mereka kepada maksiat, dosa, kezaliman dan azab Allah SWT.

---

<sup>121</sup> Harun Yahya (2007), *Kaum-kaum yang pupus*, Rozalli Hashim (terj.), Kuala Lumpur : Saba Islamic Media, c.1, h.104.

Orang-orang zalim juga adalah bersifat menindas golongan yang lemah, sombong, riya' dan bertuhankan nafsu dalam banyak perkara lantaran kekuasaan dan kekayaan dimiliki, kenikmatan yang dikurniakan Allah telah disalah gunakan.

Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT :

وَمَا أَرْسَلْنَا فِي قَرْيَةٍ مِّن نَّذِيرٍ إِلَّا قَالَ مُتْرَفُوهَا إِنَّا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِء كَافِرُونَ  
وَقَالُوا خَنُّنْ أَكْثَرُ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا وَمَا خَنُّنْ بِمُعَذِّبِينَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: Dan tiadalah kami utus pemberi peringatan (rasul) ke dalam sesebuah negeri, melainkan orang-orang mewahnya berkata: “Sesungguhnya kami ingkar akan apa yang disuruh sampaikan kepada kami.” Dan mereka berkata: Kami mempunyai harta dan anak, lebih banyak (daripadamu) dan kami tidak akan diseksa.

(Surah Saba', 34 :34-36 )

Allah SWT tidak mengutus seseorang rasul ke suatu negeri kecuali mereka akan mendustakannya, mereka adalah orang-orang yang mempunyai martabat, dan hidup dalam kemewahan, hanya golongan lemah dan susah yang akan mengikuti para rasul.<sup>122</sup>

Kemewahan yang dikecapi menyebabkan mereka terlalu mengagung-agungkan apa yang dimiliki seperti harta, pangkat dan kuasa sehingga timbul keyakinan di dalam diri bahawa kekayaan tersebut akan melindungi mereka daripada azab Allah SWT. Ini adalah penyakit yang merbahaya kerana tidak meletakkan matlamat hidup kepada yang selayaknya iaitu Allah SWT. Kehidupan yang berpaksikan nafsu syahwat akan berakhir dengan kehinaan dan azab di akhirat nanti.

<sup>122</sup> Ibn Kathir (2002), *op.cit.*, j.6, h.543.

#### 4.6 Perselisihan Dalam Beragama Akan Membawa Kepada Kemusnahan

Kebenaran, kebahagiaan dan keharmonian hidup hanya terdapat di dalam Islam. Oleh itu, sesiapa yang memilih selain Islam sebenarnya ia berada di jalan yang sesat, menempah kebatilan dan kesengsaraan dalam hidup bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ  
الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: Sesiapa yang memilih agama lain selain Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan ia pada hari akhirat kelak terdiri daripada orang-orang yang rugi.

(Surah Ali 'Imran, 3 :85 )

Kebahagiaan dan kesengsaraan hidup adalah pilihan manusia. Allah SWT mengurniakan akal bagi membezakan antara yang haq dan batil. Kitab suci al-Qur'an dan kitab-kitab sebelumnya diturunkan sebagai pedoman kearah keharmonian hidup. Sesiapa yang membuat pilihan yang tepat dengan patuh dan tunduk kepada ajaran yang disampaikan oleh rasul maka ia akan menempuh jalan yang selamat di dunia dan akhirat, sebaliknya sesiapa yang tersasar dari landasan hidup yang hak maka jalan yang dilaluinya adalah sukar. Allah SWT menggambarkan keadaan golongan ahli kitab yang tidak mempunyai pegangan hidup yang kukuh serta saling menyalahkan orang lain.



Firman Allah SWT:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ لَيْسَتِ النَّصْرَىٰ عَلَىٰ شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصْرَىٰ لَيْسَتِ الْيَهُودُ  
عَلَىٰ شَيْءٍ وَهُمْ يَتْلُونَ الْكِتَابَ ۗ كَذَٰلِكَ قَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ مِثْلَ قَوْلِهِمْ  
فَإِنَّ اللَّهَ تَحْكُمُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١١٣﴾

Maksudnya: Dan berkata orang-orang Yahudi, orang-orang Nasrani itu bukanlah atas satu (kebenaran). Dan berkata pula orang-orang Nasrani: Orang-orang Yahudi bukanlah atas satu (kebenaran). Sedangkan mereka itu sama-sama membaca kitab. Demikian pula berkata orang-orang yang tidak berpengetahuan seperti perkataan mereka. Maka Allah SWT akan menghukum di antara mereka pada hari kiamat tentang apa-apa yang mereka perselisihkan.

(Surah al-Baqarah, 2 :113 )

Menurut Ibn ‘Abbas, ketika ahli Najran dalam kalangan Nasrani datang bertemu Rasulullah SAW, golongan Yahudi pun datang kepada mereka, lalu mereka berbalah. Rafi‘ Ibn Khuzaimah dalam kalangan Yahudi berkata kepada golongan Nasrani: “Kamu tidak mempunyai satu pegangan yang benar dan kamu kufur kepada Nabi Isa serta kitab Injil,” mendengar kata-kata tersebut, salah seorang dalam kalangan puak Najran berkata kepada golongan Yahudi: “ Kamu tidak mempunyai satu pegangan yang benar kerana kamu mengingkari kenabian Musa dan kufur kepada Taurat.” Peristiwa ini menyebabkan penurunan ayat di atas.<sup>123</sup>

Islam merupakan satu-satunya agama yang benar dan diredai oleh Allah SWT. Sesiapa yang memilih selainnya, maka ia tidak akan mendapat pertolongan dan lindungan Allah SWT.

<sup>123</sup> ‘Abd al-Rahman Abi Bakr al-Suyuti (t.t), *Lubāb al- Nuqul fī Asbāb al-Nuzul*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.15.

Ini berdasarkan firman Allah SWT :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا  
جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِنَائِتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya agama di sisi Allah SWT ialah Islam. Tiadalah perselisihan golongan ahli kitab, melainkan setelah datang ilmu pengetahuan kepada mereka, kerana dengki mendengki sesamanya. Barangsiapa yang kafir akan ayat-ayat Allah SWT, maka sesungguhnya Allah SWT akan segerakan hisabnya.

(Surah Ali 'Imran, 3 :19 )

Ini adalah suatu perkhabaran bahawa satu-satunya agama yang diterima oleh Allah SWT adalah agama Islam. Menurut al-Tabari, ayat di atas membawa maksud ketaatan yang sebenar-benarnya ialah ketaatan kepada Allah SWT, ikrar dengan lisan serta tunduk dengan penuh keredaan dan menuruti segala perintah dan meninggalkan sebarang bentuk penentangan. Ia merujuk kepada ketundukan yang menyeluruh kepada Allah SWT dalam ibadat dan ketuhanan. Tidak berlagak sombong serta tidak menyirikkanNya dengan sesuatu.<sup>124</sup>

#### **4.7 Keingkaran Kepada Pemimpin Membawa Padah**

Islam amat menitik-beratkan soal kepimpinan sama ada dalam kelompok yang kecil lebih-lebih lagi melibatkan jemaah yang besar. Daripada institusi keluarga, masyarakat, sehinggalah ke peringkat negara, perlu wujud seorang pemimpin bagi memastikan perjalanan sesebuah organisasi berjalan dengan baik. Di zaman Rasulullah SAW, ketua negara adalah baginda sendiri. Menjadi kewajipan kepada orang yang

---

<sup>124</sup> Al-Tabari (1997), *op.cit.*, h.233.

dipimpin mentaati pemimpin selagi mana perintah tersebut tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Perlantikan seorang pemimpin amat penting, agar setiap ahli akan mentaati arahan pemimpin seterusnya dapat mengelakkan berlakunya perselisihan faham antara satu sama lain. Akan tetapi jika arahan pemimpin tidak dipatuhi maka akan berlakulah perpecahan dan pergaduhan yang memberi kesan buruk kepada semua ahli jemaah. Peristiwa ini telah dipaparkan melalui sirah Rasulullah SAW yang memimpin pasukan tentera dalam Perang Uhud.<sup>125</sup> Keingkaran sebahagian para sahabat terhadap arahan baginda SAW agar terus bertahan di Bukit Uhud menyebabkan tentera Islam mengalami kekalahan dalam peperangan tersebut. Akibatnya, 70 orang tentera Islam gugur syahid, manakala baginda SAW sendiri mengalami luka. Inilah natijah yang diperolehi apabila arahan pemimpin tidak dipatuhi.

Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain mengenai perlakuan para sahabat bertindak demikian. Antaranya adalah disebabkan oleh fitrah manusia yang sememangnya tidak sunyi dari melakukan kesalahan dan kesilapan. Setiap manusia dijanjikan oleh Allah SWT dengan ganjaran kebaikan di sebalik kebaikan yang dilakukan, begitu juga akan diberi balasan kejahatan di sebalik kejahatan dan maksiat yang dilakukan. Akan tetapi, hanya Allah SWT Yang Maha Mengetahui bilakah masanya Allah SWT membalas setiap amalan tersebut.

---

<sup>125</sup> Rujuk bab 2, 2.4, h.71 bertajuk Pejuang Islam yang ingkar arahan Baginda dalam Perang Uhud.

#### **4.8 Kesimpulan**

Kaum yang ingkar secara terang-terangan telah melanggar perintah Allah SWT , menolak ajaran yang dibawa oleh rasul Allah serta melakukan berbagai-bagai kezaliman. Perkara ini menyalahi fitrah alam yang mana kehidupan di dunia ini terikat dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Demi menjamin keharmonian hidup, maka diutuskan para rasul untuk menyampaikan risalah dakwah. Sewajarnya, sebagai hamba Allah, setiap manusia haruslah mematuhi segala perintah dan menjauhi laranganNya serta mentaati ajaran yang dibawa oleh para rasul. Apabila tiadanya ketaatan, maka wajarlah golongan yang ingkar ini menerima balasan dari Allah SWT setimpal dengan perlakuan mereka.

## BAB LIMA

### PENUTUP

#### 5.1 Rumusan

Allah SWT menurunkan kitab suci al-Qur'an yang mengandungi berbagai khazanah ilmu. Ia perlu dikaji dan diterokai seterusnya dikembangkan kepada masyarakat agar dapat dimanfaatkan bersama. Al-Qur'an telah diturunkan lebih 1400 tahun dahulu kekal sebagai sebuah kitab yang sesuai digunakan pada bila-bila masa tanpa dibatasi tempat dan bangsa. Konsep *al-Jazā'* terhadap kaum yang ingkar menurut surah Ali 'Imran merungkai beberapa persoalan yang perlu difahami oleh umat Islam. Ia turut mendedahkan kepada kita beberapa perkara yang boleh dijadikan garis panduan dalam kehidupan serta mengambil pengajaran daripadanya.

Kalimah *al-Jazā'* yang disebut di dalam al-Qur'an membawa beberapa pengertian, iaitu menjelaskan tentang balasan baik atau ganjaran pahala, balasan buruk atau azab neraka serta ia boleh difahami dengan kebaikan dan kejahatan. *Jazā'* Allah SWT berlaku umum sama ada kepada orang Islam atau kafir, di dunia atau di akhirat. Mengimbas kembali tajuk kajian, penulis memberi fokus *al-Jazā'* terhadap kaum yang ingkar. Maksud kaum yang ingkar ialah mereka yang memiliki ciri-ciri tertentu seperti kufur dengan ayat Allah, menafikan kebenaran al-Qur'an, menolak dakwah yang disampaikan oleh para rasul serta melakukan kezaliman sesama manusia. Mereka juga digambarkan mempunyai sifat-sifat mazmumah seperti sombong, keras kepala, dengki, pembunuh dan suka menimbulkan kekacauan dan permusuhan di kalangan umat

Islam. Golongan ini tidak akan berhenti menimbulkan huru-hara dan berusaha menyesatkan manusia kepada agama mereka yang mana mereka sendiri pun tidak mempunyai pegangan yang teguh mengenainya.

Allah SWT melalui al-Qur'an telah menjanjikan balasan azab yang pedih kepada golongan yang ingkar, mereka juga akan menerima balasan semasa di dunia. Segala amal kebaikan yang dilakukan tidak ada nilai di sisi Allah SWT, mereka sentiasa berada di dalam kerugian kerana sikap *mazmumah* yang telah sebat di dalam jiwa mereka telah memperdaya diri sendiri. Allah SWT telah melakukan tipu daya dengan terus membiarkan mereka di dalam kezaliman dan kesesatan agar Allah SWT dapat membalas mereka setimpal dengan dosa yang dilakukan di akhirat nanti.

Setiap sesuatu yang berlaku di alam ini adalah mengikut sunnatullah, ia mempunyai kaitan diantara sebab dan akibat, sesuatu perkara itu tidak terjadi dengan sendiri atau secara kebetulan. Begitulah juga dengan apa yang menimpa kaum yang ingkar, Allah SWT telah mengurniakan akal kepada manusia dalam memilih perkara yang baik atau buruk, Allah SWT juga menurunkan kitab *samawi* sebagai panduan hidup, seterusnya di utuskan para rasul agar dapat membimbing manusia ke jalan yang benar. Akan tetapi masih ada manusia yang salah dalam membuat pilihan diantara yang hak dan batil menyebabkan mereka terdedah kepada balasan azab dari Allah SWT.

## **5.2 Cadangan**

Memandangkan kehidupan manusia pada hari ini yang semakin jauh dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah umpama sejauh perjalanan 1400 tahun lebih Nabi Muhammad SAW meninggalkan kita. Maka semua pihak dari individu sehinggalah

pihak tertinggi perlu mengambil inisiatif untuk mengembalikan umat Islam kepada cara hidup Islam yang sebenar berpaksikan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalam bahagian ini, penulis mengemukakan cadangan kepada beberapa pihak seperti individu, keluarga, masyarakat dan juga negara.

### 5.2.1 Individu

Setiap individu muslim hendaklah sentiasa mendampingi al-Qur'an dalam erti kata membaca, memahami isi kandungan, mengkaji serta menyebarkannya kepada orang lain. Selain itu, umat Islam hendaklah mempunyai jati diri yang kuat serta memiliki identiti Islam yang sejati tanpa meniru acuan daripada penganut agama lain, khususnya Yahudi. Umat Islam juga hendaklah sentiasa berhati-hati daripada dipengaruhi oleh sikap buruk golongan Yahudi yang tidak berhenti-henti menimbulkan kekacauan di kalangan umat Islam. Di samping itu, setiap individu muslim hendaklah mempunyai pendirian yang tegas dalam beberapa perkara yang dilarang di dalam Islam seperti tidak terlalu mempercayai golongan Yahudi atau menjadikan mereka sebagai teman akrab. Umat Islam juga haruslah melakukan setiap amalan kebaikan dengan ikhlas supaya ia dinilai oleh Allah SWT kerana amalan tanpa keikhlasan adalah sia-sia seperti mana amalan orang-orang kafir.

### 5.2.2 Keluarga

Institusi keluarga memainkan peranan penting dalam menentukan kebahagiaan sesebuah masyarakat. Keluarga yang berjaya menerapkan penghayatan al-Qur'an di kalangan ahlinya akan melahirkan generasi al-Qur'an yang cemerlang pada masa hadapan. Ketua keluarga turut bertanggungjawab memastikan ahli-ahlinya menjadikan al-Qur'an sebagai panduan dalam segala aspek kehidupan, khususnya dalam pembentukan akhlak yang terpuji. Selain itu, ibu bapa haruslah memainkan peranan mendidik anak-anak sejak dari kecil. Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibubapa memastikan anak-anak mendapat didikan awal dengan ilmu al-Qur'an. Ini kerana, al-Qur'an merentasi semua bidang ilmu pengetahuan yang lain.

### 5.2.3 Masyarakat

Pada masa kini, menjadi keperluan wujudnya segolongan masyarakat yang berperanan mengajak orang ramai ke arah kebaikan dan melarang daripada perbuatan mungkar kerana setiap perkara yang mungkar sudah pastinya menjanjikan *jaza'* Allah SWT yang akan ditimpakan secara umum. Ini kerana sekiranya semua pihak berdiam diri terhadap perbuatan maksiat yang dilakukan, maka tidak ada seorang manusia pun yang akan terkecuali daripada balasan Allah SWT kerana perbuatan berdiam diri seperti meredai maksiat yang berlaku.



Selain itu, di kalangan masyarakat perlu sedar untuk memastikan masjid berfungsi dengan sebaiknya kerana masjid merupakan tempat wujudnya kesatuan umat Islam khususnya dalam usaha menerapkan ilmu-ilmu keagamaan di kalangan masyarakat.

Komuniti masyarakat juga perlulah berpadu tenaga bagi memastikan ahlinya mendapat pendedahan tentang dakyah-dakyah songsang yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu yang boleh mengganggu ketenteraman mesyarakat tersebut.

#### 5.2.4 Negara

Islam adalah agama yang bersikap toleransi. Buktinya Islam masih menghormati agama-agama lain dan tidak boleh mengganggu keharmonian penganutnya. Dalam hal ini, kerajaan hendaklah bersikap tegas dalam memastikan kesempurnaan beragama dalam semua bidang. Bagi memastikan kelancaran dalam aspek pentadbiran, maka Islam melarang umatnya memberi kepercayaan kepada orang yang tidak beriman dalam melakukan tugas-tugas Negara.

### 5.3 Kesimpulan

*Jaza'* Allah SWT boleh ditafsirkan kepada tiga keadaan, iaitu sebagai ujian dari Allah SWT, jika ia menimpa orang-orang baik, yang beramal soleh dan berakhlak mulia serta beriman. Jika mereka melaluinya dengan penuh keimanan maka Allah SWT akan mengangkat darjat mereka kerana musibah itu datang dari Allah SWT juga.

*Jaza'* Allah boleh dianggap sebagai satu peringatan sekiranya ia menimpa orang soleh tetapi mereka masih melakukan maksiat. Boleh jadi bencana yang berlaku ini sebagai satu peringatan buat yang selamat atau masih hidup, sama ada mereka terlibat sama atau mereka sebagai penonton, ia satu peringatan bahawa Allah Maha Berkuasa. Semua yang berlaku merupakan satu proses untuk meningkatkan keimanan mereka ke tahap yang lebih sempurna.

*Jaza'* Allah SWT juga dikatakan sebagai azab jika ia menimpa orang yang selalu melakukan maksiat dalam hidupnya. Mungkin inilah yang dimaksudkan sesetengah orang sebagai bala. Allah SWT menghukum hambanya yang ingkar, iaitu mereka yang melanggar ketetapan Allah SWT di dalam al-Qur'an, membantah ajaran yang di sampaikan oleh rasul, melakukan pembunuhan tanpa sebab, menimbulkan huru-hara dan kezaliman. Terdapat segolongan manusia yang sanggup melakukan penipuan dalam agama kerana mempunyai kepentingan tertentu. Perbuatan seperti ini sudah tentu mendatangkan kemurkaan Allah SWT dan selayaknya mereka dihukum di dunia lagi. Boleh jadi bagi kaum muslimin, hukuman ini bertindak sebagai penghapus kepada dosa-dosa yang pernah mereka lakukan.<sup>126</sup>

---

<sup>126</sup> Majalah al Islam (2009), *Tiga Perkara Kenapa Allah Turunkan Bencana*, November, bil 431, h.31-32.

Musibah yang menimpa seseorang hamba juga merupakan penghapus kesalahan, ini bertepatan dengan hadits Nabi SAW yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari:<sup>127</sup>

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي (ص) قال : ما يصيب المسلم من نصب  
ولا وصب ولا هم ولا أذى ولا غم حتى الشوكة يشاكها الا كفر الله بها من خطاياها

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Nabi SAW bersabda: Tidaklah seorang muslim ditimpa kesakitan, kesedihan, dukacita bahkan sekadar tertusuk duri melainkan Allah SWT akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya

*Jaza'* Allah di dalam al-Qur'an didatangkan dalam berbagai *sighah*. Ia menunjukkan balasan di atas perbuatan yang dilakukan oleh manusia, Sekiranya baik amalan yang dilakukan maka Allah SWT membalasnya dengan syurga atau yang seumpamanya. Jika perbuatan keji yang dilakukan maka Allah SWT membalas dengan neraka atau musibah. *Jaza'* Allah SWT akan dibalas sama ada di dunia atau di akhirat nanti. Apa yang penting setiap jiwa hendaklah menyedari bahawa setiap perbuatan yang dilakukan sama ada baik atau buruk akan mendapat pembalasan dari Allah Yang Maha Adil.

---

<sup>127</sup> Al-Bukhari (2006), *op.cit.*, j.3, c.2, h.1177.

## BIBLIOGRAFI

### Bahasa Arab

al-Qur'an al-Karim

'Abd Allah bin Nasir bin Muhammad al-Shaqawi (Dr)(1996), *al-Yahud Fi al-Sunnah al-Mutahharah*, Riyad: Dar Tayyibah Li al-Nasyr Wa al-Tauzi'

'Abd al-Karim Zaidan (Dr)(1988), *Ahkam al-Dzimmiyyin Wa al-Mustakminin Fi Dar Islam*, Beirut: Muassasah al-Risalah

'Abd al-Sabbur Marzuq (Dr) (1995), *Mu'jam al-a'lam wa al-Mauduat fi al-Qur'an al-Karim*, Beirut: Dar al-Syuruq

'Ayad, Ahmad al- (1988), *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasi*, Tunis

'Ummadi, Abi Su'ud Muhammad bin Muhammad al- (t.t), *Tafsir Abi al-Su'ud al-Musamma Irshad al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Qur'an al-Karim*, Mesir: Maktabah Wa Matba'ah Muhammad 'Ali sabih Wa Auladuhu

'Adnani, Muhammad al- (1986), *Mu'jam al-Aghlaz al-Lughawiyah al-Mu'asirah*, Beirut : Maktabah Lubnan

Ahmad bin Faris bin Zakariyya (1972), *Mu'jam al-Maqayis fi al-Lughah*, Mesir: Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Auladuhu

\_\_\_\_\_ (1998), *Mu'jam al-Maqayis fi al-Lughah*, Beirut: Dar al-Fikr

Alusi, Shahab al-Din al-Sayyid Mahmud al- al-Baghdadi (2001), *Ruh al-Ma'ani Fi Tafsir al-Qur'an al- 'Azim Wa al-Sab' al-Mathani*, Beirut : Dar al-Ihya' al-Thurath al-'Arabi

Asfahani, Al-Raghib al- (2006), *Mu'jam Mufradat Alfaz al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr,

'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-(2000), *Fath al-Bari Bi Syarh Soheh al-Bukhari*, Kitab al-Fitn, Beirut: Dar al-Fikr

Bakri, Fakhr al-Din Muhammad Ibn Umar Ibn al-Husain Ibn al-Hasan Ibn 'Aliy al-Tamimi al- al-Razi al-Syafi'e (2000), *al-Tafsir al-Kabir Aw Mafatih al-Ghaib*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Bukhari, Imam Abi 'Abd Allah Muhammad Ismail al- (2006), *Saheh al-Bukhari*, Bab al-Itqa' wa al- hazr Min Da'wat al-Mazlum, no. 9, Mansurah: Dar Ibn Rajab

Ibn al-Jauzi, Jamal al-Din Abi al-Farj' Abd al-Rahman, *Talbis Iblis*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Ibn 'Abidin, *Rad al-Muhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar 'ala Mutn Tanwir al-Absar*

- Ibn Hajar ‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al- (2000), *Fath al-Bari Bi Syarh Soheh al- Bukhari*, Kitab al-Fitn, no.7077, Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Hazm, Muhammad ‘Ali bin Ahmad bin Sa’id al-Zahiriyy (2004), *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn Kathir, Abi al-Fida’ Ismail (2001), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim ( Tafsir Ibn Kathir)*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabiyy
- \_\_\_\_\_ (2002), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, al-Kaherah: Dar al-Hadith
- Ibn Manzur (1999), *Lisan al-‘Arab*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy
- \_\_\_\_\_ (t.t), *Lisan al-‘Arab*, Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy
- Ibrahim Anis (Dr) (1972), *al-Mu’jam al-Wasit*, Kaheerah
- Ibrahim Mustafa et.al (1972), *al-Mu’jam al-Wasit*, Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah,
- Jassas, Ahmad bin ‘Ali al-Razi al- (t.t), *Ahkam al-Qur’an*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Jazzar, Kamil Muhammad al-(2006), *al-Mu’jam al-Farid Li Ma’ani Kalimat al-Qur’an al- Majid*, Kaheerah: Dar al-Tauzi’ Wa al-Nasyr al-Islamiyyah
- Khalidi , Salah ‘Abd al-Fattah al- (Dr)(1998), *al-SyakhSiyyah al-Yahudiyyah min Khilal al-Qur’an*, Damsyiq: Dar al-Qalam
- Khatib, Muhammad ‘Abd Allah al- (t.t), *Nazarat Fi Risalah al- Ta’lim*, Mesir: Dar al-Tauzi’ Wa al-Nasyr al-Islamiyyah
- Majma’ al-Lughat al-‘Arabiyyah (t.t) *Mu’jam al-faz al-Qur’an al-Karim*
- Mansuri, Mustafa al-Khairi al- (1996), *al-Muqtataf min ‘Uyun al-Tafasir*, Kaheerah: Dar al-Salam
- Maraghiyy, Ahmad Mustafa al- (t.t), *Tafsir al-Maraghiyy*
- Maydani, ‘Abd al-Rahman Hassan Habannakah al- (1993), *Zahirat al-Nifaq Wa Khabaith al-Munafiqin*, Damsyiq: Dar al-Qalam, j. 1, Dimasyq
- \_\_\_\_\_ (1992), *Makayid Yahudiyyah Abr al-Tarikh*, Damsyiq: Dar al-Qalam
- Muhammad ‘Abd al-Salam Muhammad (Dr)(1984), *Dirasat Fi al-Qur’an al-Karim Min al-Tafsir al-Mawdu’i*, Kuwait: Maktabah al-Fallah
- Muhammad bin Mukarram (t.t), *Lisan al-‘Arab*, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy,
- Muhammad Qutb (1983), *Dirasat Qur’aniyyah*, Beirut : Dar al-Syuruq
- Nasafi, ‘Abd Allah bin Ahmad bin Mahmud al- (1995), *Tafsir al-Nasafi al-Musamma Madarik al-Tanzil Wa Haqaiq al-Ta’wil*, Beirut : Dar al-Kutub al’Ilmiyyah

- Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari al- (1999), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Beirut : Dar al-Fikr
- \_\_\_\_\_ (2002), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, al-Kaherah : Dar al-Hadith
- \_\_\_\_\_ (2003), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, Dar al-Fikr
- Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd al-Qadir al- (2008), *Mu'jam Mukhtar al-Sahah*, Beirut : Dar Sadir
- Sabuni, Muhammad 'Ali al- (t.t), *Safwat al-Tafasir*, Mesir:Dar al-Sabuni
- Sayyid Qutb (1982), *Fi Zilal al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Syuruq
- \_\_\_\_\_ (1985), *Fi Zilal al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Syuruq
- Muhammad Bassam Rushdi al-Zain (1996), *al-Mu'jam al-Mufahras Li Ma'ani al-Qur'an al-'Azim*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir
- Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al- ( t.t), *Fath al-Qadir*, 'Alam al-Kutub
- Siba'ie, Mustafa al- (Dr)(1980), *al-Sirah al-Nabawiyah Durus Wa 'Ibr*, Damsyiq: al-Maktab al-Islami
- Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr al- (2000), *al-Dur al-Manthur Fi al-Tafsir al-Ma'thur*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- \_\_\_\_\_ (t.t), *Lubab al- Nuqul fi Asbab al-Nuzul*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Syafi'e, Muhammad Ibn Idris al- (1979), *al-Risalah*, Kaherah : Maktabah Dar al-Turath.
- Tabarani, Abi al-Qasim Sulayman bin Ahmad al- (1980), *al-Mu'jam al-Kabir*, ('Uqbah bin Muslim 'An 'Uqbah bin 'Amir), no.913, Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy
- Tabari, Muhammad bin Jarir al- (1997), *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil ay al-Qur'an*, Damsyiq: Dar al-Qalam
- Tal, 'Abd Allah al- (t.t), *Khatr al-Yahudiyyah al-'Alamiyyah 'Ala al-Islam wa al-Masihiyah*, Dar al- Qalam
- Tantawi, Muhammad Sayyid (Dr)(1987), *Banu Israil Fi al-Qur'an Wa al-Sunnah*, Kaherah: al-Zahra' Li al-I'lam al-'Arabiyy
- Wa'ie, Taufiq al- (Dr) (1995), *al-Yahud Tarikh Ifsad wa inhilal wa Dimar*, Beirut: Dar Ibn Hazm
- Wahidi, Abi al-Hasan 'Ali bin Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al- (2005), *Asbab Nuzul al-Qur'an*, Riyad: Dar al-Mi'man

Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar al- (t.t), *al-Kashshaf 'an Haqaiq ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al- Aqawil fi Wujud al-Ta'wil*

Zuhayli, Wahbah al- ( Dr) (2005), *al-Tafsir al-Munir Fi al-'Aqidah Wa al-Syari'ah Wa al-Manhaj*, Damsyiq: Dar al-Fikr

## **Bahasa Melayu**

Abd al-Rahman al-Dusari (1994), *Orang-orang Munafik menurut sorotan al-Qur'an*, Ahmad Hamim (terj.) Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd

Abdul Karim Zaidan (Dr.)(2004), *Sunnatullah dalam berbagai aspek kehidupan*, Jakarta: Penerbitan Buku Islam Rahmatan

H. Abuddin Nata *et. al* (Dr.)(1999), *Ensiklopedia Islam*, Jakarta

Harun Yahya (2007), *Kaum-kaum Yang Pupus*, Rozalli Hashim (terj.), Kuala Lumpur: Saba Islamic Media

Ibrahim bin Hj Ahmad et al. (2007), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, APIUM KL: Intel Multi Media and Publication

Mahayudin Hj Yahaya (2004), *Tamadun Islam*, Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd

Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Muhammad Khairi Zainuddin et.al. (2008), *Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*, Selangor: Angkatan Edaran Enterprise Sdn Bhd

Sayyid Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, Yusoff Zaky Haji Yacob (terj.) Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd

Talidi, Sheikh 'Abdullah al- (2001), *Sebab-Sebab Kehancuran Umat Dan Bala Yang Ditimpakan Kepada Orang-Orang Jahat*, Shahrin Nasution (Drs.) (terj.), Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers

Teuku Iskandar (Dr) (1993), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Uthman bin Hj Khalid (2006), *Kamus Besar Arab Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Majalah**

Majalah al Islam (2009), *Tiga Perkara Kenapa Allah Turunkan Bencana*, November, bil 431.

Majalah Solusi Isu no. 28 2011, *Akhlak Runtuh Tamadun Runtuh*, Pahrol Muhamad Juoi.